ڤتيقن تيته
PETIKAN TITAH

"DI zaman yang dinamakan zaman kemajuan ini, usaha untuk mencapai tahap kebersihan yang maksima adalah dilakukan dengan bersungguh-sungguh, lebih-lebih lagi apabila kita berhadapan dengan satu-satu wabak yang amat ditakuti. "
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسڽ ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 283).

TAHUN 61 / BILANGAN 37 | 26 MAC 2016 / 1437 جمادى الأخير 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.

Dalam titah-titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, baginda merakamkan ucapan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, TYT Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, PYT Sheikh Hasina, kerajaan serta rakyat Republik Rakyat Bangladesh bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh, dan seterusnya baginda menghargai persahabatan dan kerjasama yang sudah lama dinikmati oleh kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing, terutama sekali terhadap sumbangan rakyat Republik Rakyat Bangladesh terhadap pembangunan Negara Brunei Darussalam, dan seterusnya akan dapat meneruskan pada mengukuhkan hubungan yang sangat berharga ini di tahun-tahun akan datang.

Pada mengakhiri kedua-dua titah perutusan baginda itu, baginda menyampaikan salam muhibah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, TYT Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, PYT Sheikh Hasina.

# Tangani implikasi, kesan perubahan iklim

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Muhammad Ifwat Zakwan Zainudin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Mac. - Kajian awal Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam mendapati negara ini telah mengalami peningkatan purata suhu tahunan (*annual average temperature*) sebanyak 0.6 darjah celsius bagi tempoh bermula tahun 1970 hingga 2014.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyatakan perkara itu semasa melancarkan Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2016 berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, di sini.

Pada dekad terakhir ini, iaitu dari tahun 2005 hingga 2014, kata Yang Berhormat lagi, kajian juga menunjukkan satu trend peningkatan bagi jumlah turunan hujan tahunan (*annual total rainfall*) di negara ini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, trend berkenaan juga dapat dilihat melalui jumlah turunan hujan bulanan di mana negara ini mengalami jumlah turunan hujan tertinggi pada Januari 2009 berjumlah 977.0 mm, iaitu melebihi tiga kali ganda purata jumlah turunan hujan sepanjang tempoh 50 tahun sebelumnya.

Ke muka 4

# Berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail. - Foto : Hamzah Mohidin (*Lihat muka 3 dan 4*).**

# Ajarkan nilai-nilai murni sejak usia muda

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang mengizinkan kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Perasmian Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4.

Terlebih dahulu saya sukacita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis dan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darusalam di atas ingatan baik biskita mengundang saya selaku tetamu kehormat untuk merasmikan Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 pagi ini sempena Memperingati 100 Tahun Penubuhan Pengakap Tunas Sedunia.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah dan selamat menyambut ulang tahun yang ke-100 kepada Persekutuan Pengakap Antarabangsa dan berdoa semoga persekutuan pengakap akan terus berkembang dan maju jaya dalam pertubuhan NGO yang sangat dikenali ini.

Saya mengambil maklum Jambori Pengakap Tunas telah mula diperkenalkan pertama kalinya di negara ini pada tahun 2008 yang telah melibatkan lebih kurang 2,000 ahli-ahli pengakap di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah sejauh ini. Saya mengalu-alukan penglibatan seramai lebih 300 lagi ahli Pengakap Tunas dari kalangan pelajar-pelajar dari berbagai-bagai sekolah-sekolah rendah di seluruh negara dan negara-negara jiran yang berdekatan di Jambori Pengakap Tunas bagi kali ke-4 ini.

Saya juga difahamkan, berbagai-bagai aktiviti yang menduga ketahanan mental dan fizikal para peserta telah disusun dalam Jambori ini yang sekali gus menyediakan pengalaman yang berguna serta melatih para peserta yang terdiri dari pelajar-pelajar berusia muda dengan kemahiran-kemahiran baru yang mereka tidak perolehi melalui pembelajaran di dalam bilik darjah.

Tema Jambori 'Bermula Dari Kitani' adalah sangat signifikan dalam pendidikan terutama bila mana ianya melibatkan penyertaan pelajar-pelajar dari sekolah rendah yang mana pada hemat saya membawa maksud bahawa penerapan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup serta pembentukan disiplin dan nilai-nilai murni harus mula diajarkan sejak dari usia muda lagi. Pelajar yang terdidik dengan baik bermula sejak kecil lagi akan memberikan impak yang sangat besar apabila mereka dewasa kelak. Bagi saya, inilah peranan kita sebagai orang-orang dewasa sama ada dalam agensi kerajaan mahupun dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam sama-sama menanai dan menggalas tanggungjawab membangun anak bangsa kita untuk menjadi pemimpin masa depan negara.



**MENTERI Pendidikan,Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Perasmian Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan 100 Tahun Pengakap Tunas Sedunia pada hari Ahad, 11 Jamadilakhir 1437 Hijrah / 20 Mac 2016 Masihi di Pusat Latihan dan Kegiatan Pengakap Kebangsaan, Kompleks Pengakap, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Selain memberi pengalaman dan kemahiran yang berguna aktiviti ko-kurikulum seperti perkhemahan ini, saya percaya boleh memberikan kesedaran kepada para pelajar tentang keadaan alam kehidupan yang sebenar agar mereka tidak terlalu tenggelam dalam dunia khayalan atau *virtual reality* melalui teknologi elektronik yang cepat berkembang. Keadaan ini, jika tidak dikawal akan pasti meracuni minda generasi dan dikhuatiri boleh merenggangkan rasa kekeluargaan dan kejiranan di kalangan masyarakat kita dan seterusnya boleh menggugat keharmonian dan kesejahteraan bernegara.

Saya sangat mengambil baik dan mengucapkan syabas kepada kepimpinan Persekutuan Pengakap Negara dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum kerana telah berjaya menjalin kerjasama dan berusaha mengungkayahkan perkumpulan yang berkebajikan dan bermanfaat seperti Jambori ini dalam membantu merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan dalam melahirkan pelajar yang bukan saja cemerlang dengan ilmu pengetahuan bahkan juga warga yang bertanggungjawab, tahan lasak, mempunyai jati diri yang teguh dan sentiasa bersedia memberikan sumbangan bakti ke arah pembangunan, kesejahteraan dan keamanan berterusan negara kita cintai ini.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam kerana telah menjemput saya selaku tetamu kehormat dalam majlis ini. Tidak lupa juga saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum, Kementerian Pendidikan yang sentiasa komited dalam melaksanakan tanggungjawab memberikan bantuan kepada pasukan-pasukan beruniform di sekolah-sekolah dan persatuan-persatuan NGO dalam sama-sama memainkan peranan untuk mendidik anak bangsa ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Ucapan tahniah dan terima kasih tidak lupa saya berikan kepada guru-guru pengawas, pemimpin pasukan Pengakap Tunas yang mengorbankan masa, wang ringgit serta rela berjauhan dari keluarga di masa percutian persekolahan ini semata-mata untuk memberikan sesuatu yang bermakna kepada anak-anak bangsa kita. Pengorbanan ini amatlah kita hargai dan semoga jasa bakti yang dicurahkan oleh semua yang terlibat dalam Jambori ini akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmannir Rahim* dan dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya sukacita merasmikan Jambori Pengakap Tunas Kali Ke-4 Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan 100 Tahun Pengakap Tunas Sedunia.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

***TEMA Jambori 'Bermula Dari Kitani' adalah sangat signifikan dalam pendidikan terutama bila mana ianya melibatkan penyertaan pelajar-pelajar dari sekolah rendah yang mana pada hemat saya membawa maksud bahawa penerapan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup serta pembentukan disiplin dan nilai-nilai murni harus mula diajarkan sejak dari usia muda lagi. Pelajar yang terdidik dengan baik bermula sejak kecil lagi akan memberikan impak yang sangat besar apabila mereka dewasa kelak. Bagi saya, inilah peranan kita sebagai orang-orang dewasa sama ada dalam agensi kerajaan mahupun dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam sama-sama menanai dan menggalas tanggungjawab membangun anak bangsa kita untuk menjadi pemimpin masa depan negara.***

## Dari Sidang Pengarang.

**26 MAC 2016 BERSAMAAN 17 جمادى الأخير 1437**

## CUACA PANAS : KURANGKAN AKTIVITI LUAR

**FENOMENA** alam seperti pemanasan global disebabkan oleh meningkatnya kon sentrasi gas di atmosfer adalah kesan daripada perubahan iklim memang atas kuasa Allah Subahanahu Wataala. Walau bagaimanapun kita sebagai hamba-Nya perlu berusaha untuk mengelakkan diri dari perkara yang boleh menjejaskan kesihatan atau perkara yang tidak diingini akibat dari fenomena tersebut.

Peningkatan suhu global ketika ini, bukan sahaja membimbangkan negara kita, tetapi juga komuniti antarabangsa telah sebulat suara menyedari betapa perlunya tindakan tegas untuk mengawal peningkatan suhu global ini. Kerana ianya diakui memberi kesan perubahan kepada corak cuaca musim dan juga meningkatkan kekerapan dan intensiti kejadian-kejadian cuaca ekstrem seperti gelombang haba, kemarau dan hujan lebat.

Perubahan yang berterusan ini juga dijangka akan menjadikan keadaan cuaca di seluruh dunia pada masa akan datang menjadi lebih panas, lebih kering dan lebih lembap. Iaitu bersesuaian dengan tema Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2016 kali ini, iaitu 'Lebih Panas, Lebih Kering, Lebih Lembap - Hadapi Masa Depan', ia amat tepat dan bersesuaian bilamana perubahan iklim atau 'climate change' sudah menjadi isu yang diakui sebagai kebimbangan global.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat semasa melancarkan Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia 2016 baru-baru ini telah menekankan bahawa negara perlu mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani implikasi dan kesan daripada perubahan iklim itu.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam menurut Yang Berhormat dapat memainkan peranannya sebagai autoriti dan juga agensi utama dalam hal ehwal cuaca dan iklim bagi negara kita, khususnya penglibatan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dalam bekerjasama dalam bidang perubahan iklim atau 'climate change' untuk menghasilkan senario perubahan iklim bagi rantau Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Fenomena cuaca skala global dan mempengaruhi kondisi iklim di berbagai tempat di dunia ketika ini yang lebih di kenali dengan El-Nino menyebabkan curahan hujan berkurang, tingkat berkurangnya curahan hujan ini sangat tergantung dari intensitas El Nino tersebut. El Nino pernah menimbulkan kekeringan yang berpanjangan disebabkan curahan hujan yang berkurangan dan keadaan bertambah menjadi lebih buruk dengan meluasnya akibat kebakaran hutan dan asap yang membawa kesan jerebu.

Oleh yang demikian, orang ramai di negara ini terutama kanak-kanak dan warga emas perlu mengurangkan aktiviti luar pada musim cuaca panas melampau yang sedang melanda negara ketika ini sekali gus mengelakkan risiko kesihatan terkena strok haba (heat stroke) yang menyebabkan seseorang boleh pengsan, diserang sawan dan sekiranya lambat dikawal boleh mengakibatkan kecacatan otak serta masalah paru-paru.

Perkara ini berlaku antaranya disebabkan panas matahari yang menyerap cairan daripada badan mengakibatkan mengalami dehidrasi.

Apa yang penting, amat digalakkan minum banyak air terutama kanak-kanak kerana sistem pertahanan tubuh mereka tidak sekuat golongan dewasa. Minumlah satu setengah liter atau dua liter air setiap hari, termasuk pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran dengan banyak.

Walaupun cuaca panas yang melanda negara kita ketika ini masih belum terlampau tinggi seperti suhu di sesetengah negara lain, apa yang penting kita harus sentiasa peka dengan maklumat terkini mengenai bacaan suhu dan mengelakan diri dari terdedah terlalu lama kepada keadaan panas.

Kita tidak mau mendengar adanya korban jiwa disebabkan oleh kepanasan melampau di negara kita, sepertimana yang berlaku dan disiarkan di dada-dada akhbar di negara-negara jiran. Kerana apa yang lebih penting orang ramai, khususnya para ibu bapa agar sentiasa peka dan sentiasa memantau akiviti anak-anak dan elakkan mereka dari melakukan aktiviti luar. Kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Demikian ungkapan yang sering kita dengar dalam dunia kesihatan. Jika kita sakit, pasti mengeluarkan perbelanjaan perubatan yang tinggi dan dengan demikian kita perlu melakukan pencegahan agar kita tetap sihat dan tidak diserang penyakit.

**- Ketua Penyuntingan (Zs).**




SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Marlinawaty Hussin,
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**Ketua Bahagian Pelita Brunei**
Sastra Sarini Haji Julaini

**Ketua Penyuntingan**
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Noriah Haji Abdul Hamid

**Penyemakan**
Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

**Penyuntingan**
Samle Haji Jait,
Nor Hanizah Haji Abd. Halim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Abdullah Asgar,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Mohammad bin Kahar

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nornasyirah Nordin,
Muhammad Hafizhuddin Tasad

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hamzah Mohidin, Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada seorang Duta Besar Istimewa dan Mutlak negara ini yang baru dilantik ke negara sahabat dan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada tiga orang Ketua Perwakilan dari negara-negara sahabat ke negara ini.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Awang Ismail.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima Surat-surat Tauliah Pelantikan daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan mengadap secara berasingan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam Ke Arab Saudi yang baru dilantik dan Ketua-ketua Perwakilan yang baru dilantik ke negara ini.

Mula-mula Kebawah DYMM berkenan mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, TYT Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff.

TYT pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, TYT Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

TYT pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Sabah.

Seterusnya Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, TYT Biravij Suwanpradhes.

TYT pernah berkhidmat sebagai Duta bertugas di Kementerian Luar Negeri Thailand.

Akhir sekali, mengadap ke hadapan majlis baginda, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, TYT Lim Hong Huai pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Asia Tenggara I, Kementerian Luar Negeri Republik Singapura.

# Berkenan mengurniakan Watikah Pelantikan, menerima Surat Tauliah Pelantikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai.

## Tangani implikasi, kesan perubahan iklim

Dari muka 1

Sehubungan ini, Yang Berhormat melahirkan rasa berpuas hati dengan usaha Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam untuk mempertingkatkan kapasitinya melalui kajian dan usaha sama dengan pelbagai pihak, baik dari dalam mahupun luar negeri.

"Dalam hal ini, kita menghargai penglibatan Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dalam usaha kerjasama bagi bidang perubahan iklim atau *climate change* untuk menghasilkan senario perubahan iklim bagi rantau Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Usaha sama ini tambahnya, melibatkan Perkhidmatan-perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan serta Institusi-institusi Penyelidikan dari negara-negara ASEAN termasuk Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan juga Met Office Hadley Centre, United Kingdom.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat juga maklum bahawa Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam kini sedang bekerjasama dengan pihak UBD dalam bidang Model Iklim Berangka atau 'Climate Modeling', yang bertujuan untuk menghasilkan jangkaan dan juga senario perubahan iklim bagi negara ini.

Yang Berhormat berharap hasil daripada kajian-kajian itu nanti akan dapat membantu agensi-agensi yang berkepentingan untuk membuat perancangan, dasar dan sebarang tindakan dalam menangani kesan perubahan iklim.

Maklumat perubahan iklim dan ramalan cuaca bagi jangka masa panjang itu nanti tambahnya, akan membolehkan pelaksanaan projek serta penyaluran sumber dirancang dengan lebih teratur dan lebih berpandangan jauh.

Menyentuh mengenai tema sambutan kali ini, 'Lebih Panas, Lebih Kering, Lebih Lembap - Hadapi Masa Depan', Yang Berhormat berkata, ia amat tepat dan bersesuaian bila mana perubahan iklim atau *climate change* sudah menjadi isu yang diakui sebagai kebimbangan global.

Komuniti antarabangsa, menurut Yang Berhormat juga telah sebulat suara menyedari betapa perlunya tindakan tegas untuk mengawal peningkatan suhu global ini.

"Perubahan iklim telah memberi kesan perubahan kepada corak cuaca musim (*seasonal weather pattern*) dan juga meningkatkan kekerapan dan intensiti kejadian-kejadian cuaca ekstrem seperti gelombang haba, kemarau dan hujan lebat," ujar Yang Berhormat.

Perubahan yang berterusan ini, ujar Yang Berhormat lagi, dijangka akan menjadikan keadaan cuaca di seluruh dunia pada masa akan datang menjadi lebih panas, lebih kering dan lebih lembap.

Yang Berhormat oleh itu menekankan bahawa negara perlu mengetahui langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani implikasi dan kesan daripada perubahan iklim itu.

"Di sinilah saya melihat Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dapat memainkan peranannya sebagai autoriti dan juga agensi utama dalam hal ehwal cuaca dan iklim bagi negara kita," tegas Yang Berhormat.

# Hari Kaji Cuaca Sedunia diraikan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Muhammad Ifwat Zakwan Zainudin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Nurdina Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Mac. - Negara-negara ahli Pertubuhan Kaji Cuaca Sedunia (WMO) meraikan Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia dalam memperingati berkuat kuasanya Konvensyen WMO bermula pada tahun 1950.

Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan meraikan sambutan itu sejak menjadi ahli WMO sepenuhnya sejak 26 November 1984.

Pelancaran sambutan disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, berlangsung Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, di sini.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Kajicuaca, Awang Muhamad Husaini bin Aji yang juga selaku Pengerusi Majlis dalam alu-aluannya antara lain berkata, satu sistem 'Weather Hazard Index System' (WHIS) telah dilaksanakan dalam usaha meningkatkan pemantauan cuaca.

Beliau menjelaskan projek tersebut dapat memberikan 'Indeks Risiko Kebakaran' bagi kawasan-kawasan hutan yang berkemungkinan terjejas kepada kebakaran terutama sekali semasa musim cuaca panas dan kering.

Indeks berkenaan katanya, dapat mengenal pasti dalam peta negara dan memberikan petunjuk awal kawasan yang berpotensi untuk mengalami kebakaran.

"Jabatan pada masa ini sedang membuat penilaian ataupun *verification* terhadap maklumat yang dihasilkan oleh sistem ini. Maklumat ini dihasratkan nanti akan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti pihak bomba dan penyelamat, perhutanan dan juga pertanian," tambahnya.



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (dua, kanan) semasa menerima penerangan mengenai aplikasi telefon pintar oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam 'Brunei Weather App'.**

Awang Muhamad Husaini juga menyatakan salah satu strategi jabatan ialah bagi memupuk kapasiti dalam bidang 'Numerical Weather Prediction' (NWP) dan 'Climate Modelling' untuk menghasilkan dan mengukuhkan khidmat cuaca supaya lebih berkesan dan tepat.

Dari sudut sumber tenaga manusia pula, jabatan tambahnya, terus menitikberatkan usaha untuk memupuk profesionalisme dan kemahiran tinggi yang berdaya tahan dan berkesinambungan dalam kalangan pegawai dan kakitangan berbagai-bagai peringkat.

Majlis juga diselajurkan perasmian Peraduan Fotografi oleh Menteri Perhubungan, dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Jurufoto Brunei Darussalam dan Pertubuhan Fotografi Brunei Darussalam.

Peraduan tersebut bertemakan 'Cuaca dan Impaknya di Negara kita' dibukakan kepada orang ramai selama dua bulan.

Melalui peraduan tersebut dihasrat dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai akan isu cuaca dan iklim serta kepentingan cuaca dan iklim yang sering kali memberikan impak kepada individu, masyarakat dan pembangunan sosioekonomi negara.

# Bazar Amal 'Satu Baju Satu Senyuman'

Siaran Akhbar :
Battle Pro Event (BPRO)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 24 Mac. - Buat kali ketiga, sebuah syarikat swasta tempatan, Battle Pro Event (BPRO) dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara akan menganjurkan Bazar Amal yang akan diadakan di Dewan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama Berakas.

Bazar Amal tersebut yang akan berlangsung selama empat hari bermula dan berakhir dari 4 hingga 7 April 2016 itu akan lebih istimewa dari bazar amal yang sebelumnya di mana orang ramai berpeluang untuk membuat amal kebajikan melalui acara khas yang tidak pernah dilakukan sebelum ini dipanggil 'Satu Baju Satu Senyuman'.

Melalui acara tersebut orang ramai akan berpeluang untuk menderma pakaian sempena Hari Raya kepada anak-anak yatim, seperti sepasang Baju Melayu atau Baju Kurong dengan menempah pembuatannya melalui dua syarikat tekstil dan syarikat jahitan yang ditempatkan di bazar berkenaan, iaitu dengan membeli kain dan membuat ukuran masing-masing dengan harga BND17 untuk baju melayu dan BND20 untuk baju kurung.

Bagi setiap lima pasang baju yang dibeli dan ditempah oleh sesebuah keluarga, syarikat berkenaan akan menyumbangkan 5 pasang tempahan tambahan secara percuma untuk didermakan kepada anak-anak yatim selepas bazar tersebut berakhir.

BPRO merupakan sebuah syarikat milik tempatan yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh seorang belia, Awang Haji Syed Mohd .Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Objektif Bazar Amal itu adalah untuk membantu anak-anak yatim dan sama-sama berpeluang meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan senyuman dan pakaian baru, di samping mengumpul lebih banyak derma untuk Dana Pejabat Daerah Brunei-Muara khusus bagi membantu orang-orang yang kurang bernasib baik.

Adalah diharapkan, dengan promosi khas yang akan diadakan sepanjang acara itu nanti, akan menggalakkan orang ramai untuk melakukan perkara yang baik dengan membantu usaha-dua pengusaha, anak-anak yatim dan orang lain yang memerlukan bantuan.

Di Daerah Brunei dan Muara sahaja, terdapat kira-kira 8,000 anak-anak yatim dan dengan jumlah tersebut orang ramai adalah dialu-alukan untuk mengambil bahagian dan berharap sumbangan mereka itu nanti boleh mencukupi semua anak-anak yatim di daerah ini dan siap untuk digunakan menjelang Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Untuk maklumat terkini orang ramai boleh mengikuti laman Facebook dan akaun Instagram Battle Pro, iaitu *BPRO Event*.

Sebarang pertanyaan dan maklumat, boleh menghubungi Pembantu Pengurusan dan Perkhidmatan Pemasaran BPRO, Shahrizal Momin, melalui talian +673 8307490.

# Penyakit TB masih menjadi masalah global

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 23 Mac. - Hari TB Sedunia adalah satu dari lapan kempen rasmi global kesihatan awam yang dingati oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan disambut setiap tahun pada 24 Mac.

Ia mengimbas kembali penemuan *bacillus* TB yang membolehkan untuk pencegahan, diagnosis dan rawatan.

Dalam perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi sempena Hari TB Sedunia, hari berkenaan adalah hari untuk membina kesedaran orang ramai mengenai wabak batuk kering global dan usaha kita untuk menghapuskan penyakit ini.

Kemajuan ketara telah dibuat dalam penjagaan TB termasuk suntikan BCG. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini, selepas pembangunan pemeriksaan maju, kaedah diagnostik dan rawatan untuk penyakit tersebut, satu pertiga daripada penduduk dunia telah didedahkan dan kini dijangkiti TB.

Walaupun kedua-dua boleh dicegah dan diubati, penyakit masih menjadi masalah kesihatan global utama, bertanggungjawab untuk penyakit dalam kalangan 9 juta kes baharu setiap tahun dan kematian sebanyak 1.5 juta individu.

Di seluruh dunia, kedudukan TB sebagai punca kedua utama kematian akibat penyakit berjangkit, selepas Virus Human Immunodeficiency (HIV).

Daripada sembilan juta orang yang baru didiagnosis dengan TB setiap tahun, satu pertiga daripada mereka adalah 'terlepas' oleh sistem kesihatan, kebanyakan daripada tiga juta orang adalah antara penduduk terpinggir seperti pekerja asing, banduan dan penagih dadah.

Di Negara Brunei Darussalam, kemajuan ke arah kawalan TB adalah luar biasa. Sebagai sebuah negara, kita telah mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2015 untuk mengurangkan sebanyak 50 peratus beban TB.

Kadar insiden (kes baharu) telah menurun daripada 91.9 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 ke-48, 7 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2014.

Walaupun ia meningkat, bagaimanapun, kadar penurunan telah menjadi berkurang pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Dengan penduduk yang meningkat, makin bertambah banyak bilangan orang yang mempunyai penyakit kronik (terutamanya diabetes mellitus) dan merokok menyumbang pada insiden TB yang sedang berlaku di Brunei.

Oleh itu, TB tetap menjadi keutamaan kesihatan awam bagi Negara Brunei Darussalam dengan kira-kira 200 kes baharu berlaku setiap tahun. Batuk yang berterusan, keletihan, demam, berpeluh malam serta kurang berat badan adalah tanda-tanda biasa dan gejala TB serta orang yang mengalami gejala-gejala ini perlu mendapat nasihat doktor mereka.

Tema tahun ini, 'Bersatu untuk Tamatkan TB (Unite to End TB)'. Amat penting bagi kita di Brunei Darussalam dan selaras dengan keutamaan strategik Kementerian Kesihatan bagi tempoh lima tahun akan datang, menjadikan perniagaan kesihatan kepada semua orang untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan untuk mencegah serta mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit.

Pada tahun akan datang di samping meneruskan untuk menyediakan penjagaan berkualiti tinggi kepada mereka yang menghidap TB, Kementerian Kesihatan akan memberi tumpuan pada usaha memastikan pengesanan kes dan diagnosis daripada individu-individu masih belum mencapai, bersama-sama dengan usaha tambahan untuk mencari dan merawat jangkitan TB tersembunyi yang menghalang untuk menghentikan kitaran jangkitan TB.

Untuk tujuan itu, Kementerian Kesihatan menerima pakai saranan strategi pasca TB global WHO 2015 - Strategi Akhir TB.

Matlamat keseluruhan strategi itu adalah untuk menamatkan wabak TB global, selari dengan sasaran 2035 pengurangan 95% dalam kematian TB dan pengurangan 90 peratus dalam insiden TB (kedua-duanya berbanding dengan 2015) dan sasaran 2050 penghapusan TB sebagai masalah kesihatan orang ramai.

Untuk mencapai matlamat tersebut di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan Pelan Tindakan Kawalan TB memberi tumpuan pada meningkatkan kesedaran semua, termasuk profesional kesihatan dan orang awam mengenai batuk kering, meningkatkan program saringan TB dan meneruskan untuk memastikan rawatan serta pemantauan pesakit TB yang sesuai, termasuk menghalang kemunculan ubat tahan TB.

Pengawasan penyakit di negara ini menunjukkan bahawa kumpulan yang berisiko tinggi terdedah pada TB. Ini termasuk individu-individu di dalam penjara dan pusat tahanan juga individu yang mempunyai kencing manis disebabkan oleh tindak balas penuruan imun mereka.

Oleh itu, pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit, terutama kencing manis, mempunyai kepentingan tertentu dalam memerangi TB di Negara Brunei Darussalam.

Kejayaan strategi penghapusan TB tidak boleh semata-mata berdasarkan pada merawat jangkitan akut, tetapi ia mesti menjadi satu pendekatan bersepadu yang mengambil kira kedua-dua penentu alam sekitar serta penyakit kronik lain yang meningkatkan risiko mendapat TB.

Bagi memantapkan lagi keberkesanan pencegahan TB dan langkah-langkah kawalan kita, ia adalah penting bagi Kementerian Kesihatan untuk mendekati dan bekerjasama bersama pelanggan-pelanggan kami - masyarakat setempat.

Dialog dan penglibatan perkongsian dengan pihak berkepentingan yang berkaitan menyokong pendekatan kami untuk menangani beban TB di Brunei.

Kita semua mempunyai peranan dalam keluarga dan masyarakat kita untuk mengenal pasti individu-individu berisiko dijangkiti, memastikan mereka mendapatkan rawatan perubatan, dan membantu mereka dalam mematuhi rawatan perubatan.

Hari TB Sedunia menyediakan peluang untuk meningkatkan kesedaran mengenai masalah berkaitan TB dan penyelesaian serta untuk menyokong usaha mengawal TB kebangsaan.

Walaupun kemajuan besar telah dibuat untuk mengawal TB di Negara Brunei Darussalam, orang ramai masih jatuh sakit dan mati akibat penyakit ini.

Sebagai masyarakat, kita boleh melakukan lebih untuk menghapuskan penyakit ini dan mencegah kematian masa depan. TB boleh dicegah dan bekerja bersama-sama dalam perkongsian kita akan mencapai visi negara yang sihat.

# Hari Kaji Cuaca Sedunia disambut dengan acara keagamaan

**Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin, Muhammad Ifwat Zakwan Zainudin**
**Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Isnin, 22 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan menyelenggarakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena dengan Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia, bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Majlis tersebut disambut setiap tahun pada 23 Mac bagi memperingati berkuatkuasanya Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) pada tahun 1950.

Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia juga merupakan hari untuk memperingati sumbangan besar perkhidmatan kaji cuaca pada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar yang diimam kan oleh imam surau tersebut, Awang Haji Ramli bin Haji Ladis, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Tahlil.

Majlis antara lain diungkayahkan bagi mengeratkan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan, di samping mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat (kanan) semasa hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bersempena dengan Sambutan Hari Kaji Cuaca Sedunia.

# DARe kumpul masalah perniagaan melalui dialog

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 Mac. - Darussalam Enterprise (DARe) secara berterusan mengumpul semua isu-isu yang berkaitan dengan perniagaan, cadangan atau pertanyaan dari perusahaan sejak Januari 2016.

Ia adalah sebagai satu langkah DARe dan para pengusaha untuk berkongsi masalah secara terbuka demi memperbaiki dan memajukan yang berkaitan dengan perniagaan dan perusahaan di negara ini.

DARe mengadakan sesi dialog bersama para pengusaha, vendor, usahawan dan individu yang berminat untuk mengumpul isu-isu berkaitan perniagaan yang mereka alami bertempat di tingkat 1, Auditorium Bangunan Design & Technology, Taman Teknologi Anggerek Desa, di sini.

Sesi dialog tersebut adalah sebagai sebahagian dari usaha berterusan untuk mengumpul isu-isu yang berkaitan dengan perniagaan, cadangan atau pertanyaan dari perusahaan sejak Januari 2016.

Selain itu, sesi dialog itu juga bertindak sebagai platform untuk membolehkan para pengusaha mengumpul isu-isu yang berkaitan dengan perniagaan, cadangan atau pertanyaan daripada perusahaan.



PARA pengusaha, vendor, usahawan dan individu yang berminat untuk mengumpul isu-isu berkaitan perniagaan menghadiri sesi dialog Darussalam Enterprise (DARe).

Semasa sesi dialog tersebut, beberapa taklimat juga telah dikongsi oleh tiga orang panel, iaitu dari Unit Ease of Doing Business (EODB) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Zulfadli bin Abu Bakar yang antara lain menjelaskan mengenai dengan proses memulakan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Manakala wakil dari DARe, Dayang Diana binti Haji Ramli pula menjelaskan tentang fungsi dan matlamat DARe serta apa yang DARe akan sediakan kepada para pengusaha dan bagaimana ia akan dapat membantu mereka.

Sementara itu, wakil dari Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Saimon Puasa pula menjelaskan tentang perbankan dalam talian dan penyelesaian kewangan.

Terdahulu itu, sebelum sesi dialog dimulakan, tiga buah meja *log* masuk bagi memasukkan isu-isu (*three issues log in desks*) telah dibuka untuk para pengusaha memasukkan isu-isu tertentu untuk Pembayaran Online, Set Skill Matching atau Courier Services.

Kira-kira 80 orang terdiri daripada para individu yang berminat, syarikat, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan telah menghadiri sesi dialog tersebut.

Pada akhir dialog tersebut, satu sesi soal jawab diadakan bersama para panel yang terdiri daripada wakil-wakil dari DARe, EODB, Pihak Berkuasa Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) di bawah Kementerian Pembangunan, Pendaftar Syarikat dan Perniagaan Nama (ROCBN di bawah Kementerian Kewangan, Jabatan Bandaran dan BIBD hadir untuk menjawab sebarang pertanyaan.

# Dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pengajian Islam

**Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 24 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Penolong Pengarah Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam, Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya, dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Pengajian Islam di Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mulai 1 Oktober, 2015.

# Pelantikan sebagai Pengarah Urusan DARe

**Siaran Akhbar : Darussalam Enterprise (DARe)**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 22 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan bahawa baginda telah mengurniakan titah perkenan bagi pelantikan Loo Yau Soon (Soon Loo) sebagai Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif bagi Darussalam Enterprise (DARe) berkuat kuasa mulai 13 Jamadilakhir 1437 bersamaan dengan 22 Mac 2016.

# DBP terapkan budaya membaca

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**




KETUA Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd Khalifah bin Pengiran Haji Ismail (tengah) memotong reben bagi melancarkan Program Membaca Bersama di rumah sakit.

**KUALA BELAIT**, Selasa, 22 Mac. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengungkayahkan Program Membaca Bersama di rumah sakit sebagai satu penerapan budaya membaca dalam kalangan masyarakat yang diadakan bertempat di ruang legar, Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail hadir selaku tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan dan Pemangku Timbalan Pengarah, Awang Haji Sahari bin Haji Masar; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pesakit-pesakit Hospital SSB, Kuala Belait.

Kegiatan sedemikian diadakan untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan melalui budaya membaca, selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkasa budaya membaca dalam kalangan masyarakat Brunei di samping itu juga, melestarikan pembelajaran sepanjang hayat.

Program Membaca Bersama ini akan dijalankan sebulan sekali pada tarikh-tarikh yang telah dijadualkan dengan membawa buku-buku yang terdapat di Perpustakaan DBP. Kegiatan itu diadakan untuk menggalakkan orang ramai mengisi masa mereka dengan membaca ketika menunggu giliran, menemankan pesakit ataupun pesakit sendiri.

Sebanyak lapan buah troli yang dipenuhi dengan bahan-bahan bacaan terkini telah disediakan, troli-troli itu akan dibawa bergerak ke tempat-tempat strategik dan dibawa ke tempat-tempat yang difikirkan perlu di sekitar kawasan Hospital SSB. Antaranya tempat menunggu di kawasan pendaftaran, tempat preskripsi ubat, tempat mengambil darah, tempat penyucian buah pinggang dan ke wad-wad pesakit dan wad kanak-kanak.

Jadual waktu membaca bersama di rumah sakit seterusnya boleh didapati dalam tempoh sembilan bulan ke hadapan mulai 18 April, 21 Mei, 20 Jun, 21 Julai, 24 Ogos, 20 September, 22 Oktober, 21 November, 15 Disember, setiap 9.00 pagi.

DBP berharap usaha yang diusahakan itu akan mendapat sambutan dan sokongan yang sewajarnya daripada semua pihak khususnya dari kalangan penduduk Daerah Belait.

# KUPU SB perlu kembangkan Dikir Marhaban kepada graduan



YANG Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (kanan) semasa menyampaikan ceramah bertajuk 'Pengenalan kepada Dikir Marhaban dan Pengamalannya di Negara Brunei Darussalam'.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nurul Husnina Nadia Johari**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 22 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) diseru agar mengembangkan dan memberi kefahaman yang lebih terperinci mengenai Dikir Marhaban kepada para graduan kerana dikir merupakan satu khazanah warisan budaya bangsa Melayu Brunei yang berharga dan perlu dikekalkan.

Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim mengingatkan perkara tersebut semasa menyampaikan ceramah bertajuk 'Pengenalan kepada Dikir Marhaban dan Pengamalannya di Negara Brunei Darussalam' pada Majlis Ihya Al-Tarbbiyyah Al-Diniyyah Kesembilan yang diadakan di Dewan Ta'lim kolej berkenaan di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, Dikir Brunei mula dikenali dalam Kurun Ke-20 dan ia berkembang di balai-balai dan masjid sahaja.

Majlis berkenaan merupakan program KUPU SB yang berlangsung selama dua hari bertujuan utuk membahaskan hal ehwal pendidikan Islam semasa yang berbentuk kuliah, ceramah atau forum.

Bengkel adalah pengenalan ke arah memahami Dikir Marhaban yang merupakan salah satu bentuk dikir yang sering dilaungkan dalam memeriahkan majlis dan Sambutan Maulidur Rasul.

Ia juga bertujuan untuk memantapkan pengisian amalan Negara Zikir dengan meningkatkan nilai penghayatan laungan Dikir Marhaban melalui pemahaman kata-kata, rangkap dan maksud ungkapannya.

Bengkel disertai kira-kira seramai 60 orang terdiri daripada 20 pensyarah dan pelajar KUPU SB, empat pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), empat pegawai dari Jabatan Pengajian Islam (Bahagian Kokurikulum), tiga pelajar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), tiga pelajar Universiti Islam Sharif Ali (UNISSA), tiga pelajar Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan tiga pelajar Politeknik Brunei.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dan Penolong Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Abang Haji Taha, selaku Pengerusi Majlis.

## Pastikan majikan bayar caruman pekerja tempatan

**Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja**




PEGAWAI Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Jabatan Buruh menjalankan tugas semasa mengadakan Lawatan Bersepadu ke salah sebuah premis.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 17 Mac. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan dengan kerjasama dari Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah mengadakan Lawatan Bersepadu ke premis-premis perniagaan di sekitar kawasan Gadong.

Tujuan utama lawatan adalah bagi memastikan majikan telah menjalankan tanggungjawab di dalam pendaftaran dan pembayaran caruman pekerja-pekerja tempatan ke Skim TAP dan Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) dan pada masa yang sama memastikan majikan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Buruh bagi pekerja tempatan dan pekerja asing adalah selaras dengan Perintah Pekerjaan 2009.

Hasil daripada lawatan ke 28 premis majikan, Pegawai-pegawai Penguatkuasaan TAP mendapati daripada sejumlah 123 pekerja, sebanyak tujuh pekerja tempatan masih belum didaftarkan di bawah Skim TAP dan SCP.

Sementara seramai 21 pekerja yang terdiri daripada pekerja tempatan dan pekerja asing telah disoal siasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh. Jabatan tersebut juga mendapati kesalahan dari pihak majikan di mana pekerja tempatan dan pekerja asing tidak diberikan pembayaran kerja lebih masa dan tiada cuti rehat satu hari dalam satu minggu.

Jabatan Buruh tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas majikan yang memandang ringan akan isu kesejahteraan pekerja.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh juga memberikan peringatan kepada orang ramai dan majikan supaya tidak menyalahgunakan Lesen Mengambil dan Menggaji Pekerja Asing yang diberikan yang mana kesalahan mengambil dan menggaji pekerja asing tanpa kebenaran Pesuruhjaya Buruh, boleh diambil tindakan di bawah Bab 112 (1) Perintah Pekerjaan, 2009.

Jika sabit kesalahan boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Bab 112 (3) perintah yang sama iaitu didenda tidak kurang BND6,000.00 dan tidak lebih BND10,000.00 atau penjara tidak kurang dari 6 bulan dan tidak lebih dari 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Manakala, TAP juga turut memaklumkan bahawa pekerja yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan dan dicarumkan ke Skim TAP dan Skim SCP. Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari, dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Di bawah Bab 26, Akta Amanah Pekerja (Penggal 167), jika sabit kesalahan, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000.00 bagi kesalahan pertama dan tidak lebih BND10,000.00 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Sebarang pertanyaan bolehlah dibuat dengan mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian 2382800 semasa waktu bekerja.

Lawatan bersepadu ini merupakan yang pertama kali diadakan bagi tahun 2016 dan kerjasama ini akan diteruskan lagi di masa akan datang di dalam memastikan kesejahteraan pekerja di negara ini terjaga.

## Ekspo pamer budaya, makanan tradisi BIMP-EAGA



PENGERUSI Majlis Perniagaan Brunei Darussalam - BIMP-EAGA (Brunei Darussalam - BIMP-EAGA Business Council (BD-BEBC), Pengiran Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof (empat, kiri) bersama para wakil peserta yang akan menjayakan 'Flavours of BIMP-EAGA & Beyond : Culture & Food Expo 2016'.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 18 Mac. - Beberapa aktiviti dari aspek budaya dan makanan tradisional mewakili pelbagai etnik dalam BIMP-EAGA akan ditonjolkan semasa berlangsungnya 'Flavours of BIMP-EAGA & Beyond : Culture and Food Expo 2016' nanti.

Perkara tersebut dinyatakan Pengerusi Majlis Perniagaan Brunei Darussalam - BIMP-EAGA (Brunei Darussalam - BIMP-EAGA Business Council (BD-BEBC)), Pengiran Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof semasa Sidang Akhbar mengenai 'Flavours of BIMP-EAGA & Beyond : Culture & Food Expo 2016' di Tingkat 2, The Airport Mall, Berakas di sini.

Pengiran Yura Kesteria berkata, ekspo kebudayaan dan makanan dalam pelancongan itu akan berlangsung pada 30 Mac hingga 3 April 2016 di The Airport Mall, Berakas bermula dari jam 10 pagi hingga 10 malam dan akan mempamerkan pelbagai budaya dan aktiviti menyeronokkan serta koleksi-koleksi hebat pengusaha-pengusaha dari seluruh rantau BIMP-EAGA.

Katanya lagi, selain tujuan utama ekspo untuk menggalakkan pertukaran budaya antara negara-negara BIMP-EAGA, ekspo juga merupakan platform bagi menggalakkan pembangunan ekonomi di rantau ini.

Sebuah buku masakan bertajuk 'Spice of Life : Recipes & Remedies' juga akan dilancarkan semasa ekspo anjuran BD-BEBC itu nanti.

Selain itu, chef-chef terkemuka dari beberapa buah restoran terkenal seperti Royal Brunei Catering Sendirian Berhad, Restoran Soriso, Energy Kitchen, High Frequency, Restoran Hotel Star Lodge dan chef-chef terkemuka di rantau ini juga akan mengadakan demonstrasi masakan khas di mana orang ramai berpeluang untuk belajar dan menikmati masakan yang disediakan.

# Pelajar MTSSR jalani penempatan di TelBru

**Siaran Akhbar dan Foto : TelBru**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mac. - Pada bulan April 2014, Telekom Brunei Berhad (TelBru) telah menjalin perkongsian strategik bersama Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar dari Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) untuk menjalani pengajian selama dua tahun Sijil Pendidikan Teknikal Tinggi Kebangsaan (HNC) dalam Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat, iaitu kursus baharu yang diperkenalkan termasuk latihan kerja *(on job training*) yang ditaja sepenuhnya oleh TelBru.

Program dua tahun di bawah syarikat-syarikat Skim Latihan Perantisan itu telah ditubuhkan bersama oleh TelBru dan IBTE bermula pada 5 Januari 2015.

Setakat ini, para pelajar telah menamatkan tahun pertama program ini dan kini berada di semester ke-3 tahun kedua. Dalam semester pertama, mereka mempelajari perspektif teori telekomunikasi dan IT, diikuti oleh semester kedua yang diisikan dengan penempatan selama enam bulan bersama TelBru.

Salah seorang pelajar, Awangku Mohd. Nurul Hadzmie Azman bin Pengiran Muhidin, melahirkan rasa syukur kepada TelBru kerana memperkenalkan kursus baharu di Negara Brunei Darussalam yang meminati bidang telekomunikasi. Beliau sangat tertarik dengan pengajian dan bekerja keras untuk meraih kejayaan.

Kedua-dua maklumat teori dan pengalaman praktikal yang diberikan oleh pensyarah dan TelBru katanya telah mendorong beliau untuk menjadi lebih baik dalam pelajaran dan seterusnya berharap dapat berkhidmat dengan TelBru selama-lamanya setelah selesai kursus.

"Di kampus kami di MTSSR, pensyarah kami telah banyak membantu dari segi memahami kebanyakan proses teknikal yang terlibat dalam telekomunikasi, dan apabila kita ditempatkan dengan TelBru, ia menunjukkan kami persekitaran kerja sebenar dan bagaimana untuk menangani masalah menggunakan mesin dan peralatan sebenar. Dalam penempatan kerja selama enam bulan di TelBru, saya kagum bagaimana kakitangan terutama mereka yang bekerja di lapangan sentiasa, begitu fokus dan dedikasi dalam kerja masing-masing, berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan mereka, tak kira pagi atau malam," katanya.

Salah seorang pensyarah program, Dayang Mahani binti Haji Sumari berkata bukan sahaja para pelajar yang dapat belajar dari TelBru malahan para pensyarah juga mempunyai peluang untuk menyertai aktiviti yang berkaitan dengan kabel telekomunikasi, pensuisan, *splicing* dan lain-lain.

"Beberapa tahun lalu, semasa saya masih menuntut, saya pernah ditempatkan di Bahagian Pendawaian Luar dan Kabel TelBru, tetapi ini merupakan ulang kaji bagi diri saya sebagai pensyarah kerana saya mendapatkan pengalaman bekerja di bidang teknologi, mesin dan peralatan semasa. Kerja sambilan dengan TelBru setentunya meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran saya dari segi aktiviti praktikal, dengan bantuan pakar-pakar TelBru," tambah beliau.



PENSYARAH dan para pelajar Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) semasa menjalani penempatan di TelBru.

Program ini merupakan salah satu langkah proaktif untuk membangunkan pelajar baru dalam bidang Telekomunikasi, Elektrik dan Kejuruteraan, Elektronik & Komunikasi, Kejuruteraan Komputer & Pembelajaran Komputer untuk menjadikan mereka sebagai juruteknik berpotensi masa hadapan di TelBru dengan kemahiran teknikal yang baik dan mengembangkan pengetahuan telekomunikasi dan teknologi maklumat mereka.



PEMBENTANG kertas kerja pertama disampaikan oleh Profesor Dr. Somnuk Phon-Amnuaisuk (berdiri) yang menghuraikan tajuk mengenai 'Apa yang Boleh Disumbangkan oleh Pengkomputeran Kreatif Kepada Ekonomi Brunei'.

# UTB tawarkan sarjana secara penyelidikan

**Oleh : Rohani Haji Abd Hamid, Shazanna Khairunnisa Abu Bakar**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**TUNGKU,** Sabtu, 19 Mac. - Ceramah awam penyelidikan bertemakan 'Aplikasi Kreatif Komputer dan Sistem Maklumat' mengongsikan pelbagai aspek kerja-kerja penyelidikan yang dijalankan di universiti dengan orang ramai dan pihak industri.

Buat kali kedua, Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah menganjurkan ceramah berkenaan dengan mengundang lima orang penyelidik yang masing-masing membentangkan pengalaman penyelidikan dan keputusan dalam bidang komunikasi.

Mereka terdiri dari Profesor Dr. Somnuk Phon-Amnuaisuk yang menghuraikan tajuk mengenai 'Apa Yang Boleh Disumbangkan Oleh Pengkomputeran Kreatif Kepada Ekonomi Brunei'; Awangku Haji Azhan bin Pengiran Haji Ahmad menyampaikan ceramah bertajuk 'Bagaimana VR dan AR Boleh Meningkatkan Pendidikan, Hiburan dan Pelancongan Landskap'; Peter David Shannon membawakan tajuk 'Bahan Komoditi Grafik Komputer: Pengetahuan, Bukan Wang, Adalah Halangan Sebenar Kepada Kemasukan' sementara Profesor Dr. Sheung Hung Poon dan Ikmalina Hakimah Haji Md. Yunus masing-masing mengupas tajuk 'Kelebihan-Berlangsung 3D Jerat dan Kekisi Polyhedral' dan 'Kreatif Landskap di Brunei Dari Perspektif Seorang Usahawan'.

Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan UTB, Profesor Dr. Guo Zhenren semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya terdahulu berkata, sebagai tambahan kepada Program Ijazah Sarjana Muda, UTB katanya, kini menawarkan sarjana secara penyelidikan ke arah meningkatkan ekosistem penyelidikan institut berkenaan.

Menurutnya, misi penting UTB adalah untuk meningkatkan penyelidikan dan kajian teknologi para siswazah bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dan pembangunan mampan Brunei Darussalam.

"Teras penyelidikan universiti adalah teknologi hijau, air serta minyak dan gas. Terdapat sepuluh kluster penyelidikan di bawah teras penyelidikan: Pemprosesan Bahan Api, Pengendalian dan Pemasaran, Sains Alam Sekitar; Sumber Air, Tenaga dan Alam Sekitar; Mekanik Gunaan; Bahan dan Pembuatan; Sains Pengiraan; Jaringan Barangan; Pendidikan dan Komunikasi dan Kelestarian Dalam Pengurusan. Sehingga 2015, UTB mempunyai tiga puluh projek penyelidikan berterusan dengan jumlah pembiayaan sebanyak BND2.7 juta," jelasnya.

UTB juga berhasrat untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama teknikal dengan kedua-dua industri dan masyarakat secara umum dengan memanfaatkan kakitangan akademik dan program pengajian siswazah berkaliber tinggi.

Ceramah tersebut memberi tumpuan kepada tema utama yang berkaitan dengan kepakaran penyelidikan staf akademik di UTB yang secara kumulatif akan menyediakan satu gambaran keseluruhan dan menarik pelbagai penyelidikan terkini di UTB.

Dengan adanya ceramah seumpama itu diharap akan dapat menghebahkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pencapaian di UTB serta merangsang semangat orang awam mengenai pelbagai aspek kejuruteraan, pengkomputeran dan teknologi.

Ceramah turut dihadiri oleh para profesional industri dari sektor awam dan swasta.

# Parameter tambahan minima liputan isyarat




SIDANG media AITI berlangsung di Bangunan AITI, Kampung Anggerek Desa.

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 18 Mac. - Isyarat selular merentasi sempadan adalah masalah yang sering berlaku kepada pengguna-pengguna rangkaian mudah alih yang tinggal di kawasan berhampiran sempadan negara apabila rangkaian mudah alih mereka dapat menerima isyarat selular daripada pengendali mudah alih dari negara jiran.

Sehubungan itu, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) Negara Brunei Darussalam memastikan usaha berterusan dalam mengembangluaskan liputan dan perkhidmatan di beberapa kawasan di negara ini termasuk di sekitar Kampung Lumapas, Kampung Temada, Kampung Batu Apoi, Kampung Selapon dan Kampung Labu bagi mengelakkan perayauan (*roaming*) isyarat mudah alih para pelanggan ke rangkaian selular negara jiran.

Penolong Kanan Ketua Eksekutuf AITI, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim memaklumkan perkara itu pada sidang media yang berlangsung di Bangunan AITI, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Beliau berkata, mengelakkan isyarat selular daripada merentasi sempadan adalah salah satu cabaran yang perlu dihadapi oleh pengendali-pengendali dan pengawal selia rangkaian mudah alih yang disebabkan oleh keupayaan gelombang radio dipancarkan dalam jarak yang jauh dan kedudukan negara ini dan negara jiran yang dekat.

AITI dan pengawal selia dari Malaysia iaitu MCMC telah bekerjasama untuk meminimakan isyarat selular daripada merentasi sempadan yang mana pengendali rangkaian mudah alih termasuk DiGi, Celcom dan DST Com telah pun bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran kuasa daripada pemancar mereka.

Di samping itu, pengendali-pengendali juga menambah parameter tambahan dalam meminimakan liputan isyarat.

"Pada Februari lalu, Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat 'Hetnet and Spillage Coordination Sub-Working Group (HSC-SWG) Ke-3 yang dihadiri oleh pengawal selia dan pengendali selular mudah alih dari Brunei, Malaysia dan Singapura.

Menurut maklumat yang dikongsikan, ada beberapa kawasan berhampiran sempadan negara ini yang mana isyarat GSM dari pengendali Malaysia adalah melebihi had. Begitu juga isyarat pengendali di negara ini yang melebihi had di tempat-tempat tertentu berhampiran sempadan Malaysia. Pengendali-pengendali bersetuju untuk menyelaraskan dan menilai kawasan-kawasan tersebut dengan lebih lanjut," katanya.

Hadir pada sidang media tersebut termasuk Pengurus Kualiti Perkhidmatan dan Penguatkuasaan AITI, Awangku Saiful Rosman bin Pengiran Roslee; wakil dari DST Com, Awang Zulyada'in bin Haji Ibrahim dan wakil dari Progressif Cellular Sendirian Berhad, Jai Fung Jack.

## MAKLUMAN :

### Penutupan Kaunter Pembayaran Jabatan Kerja Raya

**Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 21 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR) ingin memaklumkan bahawa Perkhidmatan Kaunter-Kaunter Pembayaran akan ditutup pada 31 Mac 2016, hari Khamis dan akan kembali beroperasi pada hari Sabtu, 2 April 2016, disebabkan penutupan Tahun Kewangan 2015 / 2016.

Di Perkhidmatan Kaunter Ibu Pejabat, JKR, pembayaran adalah bagi yuran tawaran, dokumen dan sebut harga, sewa gelanggang dan padang di Kompleks Sukan JKR, bayaran kerosakan harta benda kerajaan, pembelian buku-buku terbitan JKR, perkhidmatan penyedutan Tangki Septik, bayaran pas kereta hilang, bayaran 'Chemistry, Acterical and Laboratory Test', bayaran rampasan *bank guarantee*, bayaran perkhidmatan kerja-kerja rawatan pembetungan Kampung Pandan dan Seria, bayaran balik tunggakan gaji, bonus, elaun-elaun, TAP dan lain-lain lebih bayaran.

Sementara itu, Perkhidmatan Kaunter di JKR Daerah Belait ialah bagi pembayaran bil air dan gas serta pembayaran dokumen dan sebut harga manakala Perkhidmatan Kaunter di JKR Daerah Tutong adalah bagi pembayaran bil air.

# Idea penswastaan perkhidmatan pemeriksaan kereta sedang dikaji

Laporan : Norliah Md. Zain
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mac. - Akses kapasiti yang terdapat di pihak swasta boleh diambil kesempatan untuk membantu kerajaan dalam memberi perkhidmatan, untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan yang baik.

Justeru itu, pihak swasta diharap memainkan peranan untuk membantu kerajaan dalam memberikan perkhidmatan pemeriksaan kereta demi menjimatkan perbelanjaan dan memenuhi kehendak orang ramai agar tidak beratur dengan mengambil masa yang lama.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf mengenai pemeriksaan kereta pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ke-11 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Kata Yang Berhormat, perkara ini telah dibincangkan dengan Brunei Association of Transport Automobile (BATA) dan lebih 13 buah syarikat telah bersetuju untuk memberi perkhidmatan berkenaan dengan harga yang ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ketika ini.

Tambah Yang Berhormat, ini adalah atas dasar bahawa ia menggunakan *access capacity* yang ada dan memberikan kesempatan perdagangan kepada syarikat-syarikat berkenaan.

"Idea ini sedang dikaji untuk menentukan mekanisme dan mudah-mudahan pada jangka waktu yang panjang kalau boleh tanggungjawab untuk memastikan kenderaan yang ada di negara ini biarlah terserah kepada syarikat pembekal kereta, syarikat penyelia kereta berat dan kerajaan akan berperanan untuk menjaga perundangan dan peraturan serta standard yang diperlukan untuk memastikan standard yang diperlukan oleh kerajaan," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan perubahan telah berlaku di JPD, Gadong dengan mengambil *no reject policy.*

"Sebelum ini orang beratur dari pukul 6.30 pagi ke pukul 7.30 pagi sudah datang ke sana untuk mendapatkan nombor beratur. Semua ini sudah pun ditukar baharu JPD telah mengambil polisi *(no reject policy)*," kata Yang Berhormat.

*No reject policy* ini mempunyai beberapa rasional ujar Yang Berhormat, iaitu setiap pelanggan yang berurusan dengan kerajaan terutama untuk mendapatkan Lesen Memandu yang sah, apabila permohonan itu diserahkan kepada kerajaan dan ditolak oleh seorang pegawai kerajaan, mungkin akan menjadi satu kesalahan, walaupun permohonan itu dihadapkan selepas tutupnya akaun pukul 3.00 petang.

"Dalam perkara ini adalah tidak munasabah bahawa pejabat berkenaan menolak permohonan untuk membaharui Lesen Memandu kerana lesen tersebut diperlukan untuk kehidupan seharian orang ramai. JPD berazam untuk tidak akan menolak sebarang permohonan," jelas Yang Berhormat.

JPD, tambah Yang Berhormat, telah menyediakan beberapa sistem untuk orang ramai boleh berurusan, sebagai contoh sistem janji temu *(appointment)* iaitu dengan menghubungi JPD untuk bertanyakan waktu datang dan kelamaan siapnya.

"Sebenarnya untuk membaharui Lesen Memandu itu hanya mengambil masa 5 minit sahaja, tetapi disebabkan orang ramai itu banyak yang datang menyebabkan *queue* itu panjang," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, dengan sistem *online* yang sudah diadakan, permohonan Lesen Memandu atau membaharuinya, tidak lagi perlu ke JPD dan boleh dilayari melalui e-Darussalam dan terus ke JPD untuk mengisi borang permohonan di sana.

Kata Yang Berhormat, penggunaan e-Darussalam ketika ini masih lagi pada tahap yang rendah walaupun ICT di negara ini terlalu tinggi penggunaannya. Kesedaran ICT nampaknya masih merupakan satu cabaran yang besar bagi Kementerian Perhubungan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pelanggan juga boleh menyerahkan awal permohonan dan mereka bolehlah membuat keputusan untuk menunggu mengikut *queue* yang ada atau ditinggalkan dan balik kemudian hari untuk mengambil semula permohonan tersebut.

Terdahulu Menteri Perhubungan menjelaskan sistem yang ada sekarang memberikan tanggungjawab kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan setiap kenderaan yang ada di Negara Brunei Darussalam ini dalam keadaan baik dan menepati syarat-syarat *road worthiness* yang sudah ditetapkan oleh JPD.

Kata Yang Berhormat, perbelanjaan kerajaan untuk memenuhi tanggungjawab ini amat tinggi.

Dengan bertambahnya pendaftaran kereta baharu setiap tahun sehingga 18,000 setahun, bermakna tanggungjawab ini akan menjadi mencabar pada satu masa yang akan datang.

# Jabatan Perkhidmatan Pos hadapi cabaran besar

Laporan : Norliah Md. Zain

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini menghadapi satu cabaran yang besar terutama dengan adanya ICT, e-Commerce ataupun sistem perhubungan melalui teknologi komunikasi.

Penjualan-penjualan setem ternyata sudah semakin menurun dan dengan suasana ini kerajaan harus mengamalkan sifat berjimat cermat.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ke-11 di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat berkata, segala aktiviti yang dilaksanakan di bawah Jabatan Perkhidmatan Pos ketika ini sedang di*review* semula secara menyeluruh dan jabatan ini perlu mengambil pendekatan yang lebih meluas, iaitu *out of the box approach.*

Antara yang dirancang jelas Yang Berhormat ialah perlunya untuk menutup cawangan pos yang tidak mendatangkan hasil yang begitu kos efektif sesuai dengan kos pengendalian yang dibelanjakan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa tiga tempat telah dikenal pasti dan sedang dikaji, antaranya cawangan pejabat pos di The Mall Gadong.

Walau bagaimanapun, terang Yang Berhormat lagi, perubahan pengurusan juga perlu dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ataupun Jabatan Perkhidmatan Pos untuk menutup cawangan-cawangan berkenaan agar tidak terjadi masalah kepada orang ramai terutama dalam menggunakan perkhidmatan pos.

"Walaupun Jabatan Perkhidmatan Pos akan membuat pertukaran dan perubahan yang agak drastik dan sejauh yang boleh, keperluan orang ramai tidak akan terjejas," ujar Yang Berhormat.

Jabatan Perkhidmatan Pos tambah Yang Berhormat lagi, akan mengambil langkah untuk lebih terbuka dan lebih fokus kepada pengguna serta menempatkan dirinya sebagai satu tempat *where there's no wrong door policy.*

"Ini bermakna apa pun keperluan orang ramai untuk berurusan dengan kerajaan, jika sekiranya diperlukan untuk menyampaikan sesuatu, borang permohonan atau sebagainya, Jabatan Perkhidmatan Pos boleh berperanan sebagai *inter-facing point* untuk menerima segala permohonan tersebut," kata Yang Berhormat.

Dengan demikian jelas Yang Berhormat, aktiviti Jabatan Perkhidmatan Pos akan lebih dipelbagaikan.

Begitu juga perkhidmatan dari sektor awam kata Yang Berhormat lagi contohnya, memandangkan kedudukan Jabatan Perkhidmatan Pos yang strategik terutama di kawasan luar bandar, Jabatan Perkhidmatan Pos boleh menawarkan dan menempatkan dirinya untuk membantu orang ramai berurusan dengan kerajaan.

# Tapak terminal penumpang bas Bangar digazetkan

Laporan : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 19 Mac. - Tapak cadangan terminal bas Pekan Bangar ialah di tapak hospital lama berdekatan Pusat Belia dan Sukan Pekan Bangar yang berkeluasan 0.4 hektar dan telah pun digazetkan di bawah Kementerian Perhubungan untuk pelaksanaan selanjutnya.

Hal itu dijelaskan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika menjawab soalan yang diajukan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN pada hari ke-11 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menurut Menteri Perhubungan, sejak perkara itu dicadangkan, pihak Kementerian Pembangunan telah pun memohon tapak yang bersesuaian untuk dijadikan dan digunakan sebagai terminal bas di Daerah Temburong.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat ingin menerangkan mengenai konsep terminal bas yang dicadangkan.

Jelasnya, dalam usaha untuk memperbaiki lagi sistem pengangkutan awam, kita berharap bahawa perkhidmatan bas itu ialah perkhidmatan yang berterusan, bukan perkhidmatan yang basnya berehat menunggu, mengusai kereta, mengisi minyak kereta dan sebagainya.

Tegasnya, kalau sekiranya konsep yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ahli MMN itu merupakan konsep yang sama dengan apa yang ada di Bandar Seri Begawan, mungkin pemikiran daripada pihak Kementerian Perhubungan agak berbeza sedikit.

"Apa yang kita harapkan ialah terminal itu digunakan oleh pengguna bas awam untuk mereka berehat dan menunggu bas, bukan untuk bas berehat sebaliknya. Hendaklah difikirkan bahawa kalau sekiranya ada terminal bas ataupun terminal penumpang, *passenger terminal not bus terminal* yang dimaksudkan, hendaklah disesuaikan keadaannya," katanya.

Bukan seperti yang ada sekarang di Bandar Seri Begawan, ujar Menteri Perhubungan, yang mana ia hendaklah lebih sesuai dengan keadaan di perbandaran Bangar dan dari pandangan mata pun bukan sesuatu yang tidak elok dilihat dan haruslah harmoni dengan keindahan di kawasan Pekan Bangar.

Konsep yang ingin dicadangkan ialah konsep terminal penumpang dan disesuaikan untuk dijadikan sebagai pusat perdagangan ataupun pusat pelancongan dan dikhaskan untuk memberi perkhidmatan pengangkutan antara daerah ataupun *inter-district* ataupun *interstate services* antara negara seperti ke negara jiran.

Penyelia bas yang memerlukan kemudahan bas terminal dicadangkan supaya disediakan dengan mencari tempat di luar dari kawasan bandar.

Apa yang ingin kita lihat bahawa perkhidmatan bas itu sentiasa berjalan *non-stop.*

Ini yang kita cadangkan untuk di Daerah Brunei dan Muara serta tidak memerlukan bas terminal seperti apa yang dimaksudkan.

# Centre of Excellence ringankan beban kerajaan

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Isu perbelanjaan yang sangat besar bagi menghantar pesakit-pesakit untuk menjalani rawatan di luar negara antara salah satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf pada hari kesepuluh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Dalam merespons perkara tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata, dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, beberapa buah Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence) sudah ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam dalam jangka masa sepuluh tahun.

Perkara ini, menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan termasuklah Pusat Jantung Negara, iaitu satu *joint venture* dengan Gleneagles yang berpusat di Jerudong.

Menurutnya lagi, negara ini akan mempunyai dua pusat baharu seumpamanya Pusat Kanser Brunei (The Brunei Cancer Centre) dan juga Pusat Pemulihan Neurosains dan Strok Brunei (The Brunei Neuroscience Stroke and Rehabilitation Centre).

"Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bangunannya sudah hampir siap dan insyaaAllah jika tidak ada apa-apa halangan, mungkin mula beroperasi pada tahun ini juga. Di bahagian kerajaan pula, kita sudah menubuhkan Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak (Women and Children Centre) yang bertapak di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Dengan terbinanya pusat-pusat tersebut, Kementerian Kesihatan berharap ia dapat meringankan lagi beban kerajaan dan untuk menyenangkan lagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat.

Manakala mengenai perkara doktor-doktor tempatan untuk mendapat kepakaran yang bersesuaian, Yang Berhormat menjelaskan, pihak kementeriannya memang akan terus-menerus menyokong mereka mengadakan latihan, di mana latihan dan pembelajaran tersebut akan berterusan selagi masih memberi perkhidmatan.

Menurut Menteri Kesihatan lagi, dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam, satu fakulti yang dinamakan sekarang, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, telah ditubuhkan dan sudah pun mengelolakan program perubatan.

Semenjak tahun 2005 sejak ia bermula, tambah Menteri Kesihatan, negara sudah melahirkan lima kohort doktor-doktor melalui program berkenaan yang mana ia diadakan secara *twinning* dari beberapa institusi-institusi perubatan, sekolah perubatan yang terkemuka seperti di United Kingdom, Kanada dan juga Australia.

"Alhamdulillah, apa salahnya jika kita sekarang memikirkan bagaimana kita dapat menyokong latihan pembangunan doktor-doktor yang sudah keluar daripada sekolah-sekolah perubatan di negara kita ini sepertimana jua dengan cara modal kita dengan sekolah perubatan. InsyaaAllah perkara ini akan ditangani dan akan diusul lagi secepat mungkin," jelas Yang Berhormat.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

# Klinik swasta sentiasa dipantau

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan Kementerian Kesihatan memantau kualiti klinik-klinik kesihatan ini dengan beberapa cara. Salah satunya ialah setiap doktor di negara ini adalah mandatori untuk mendapat Certificate of Practice (CoP) yang dikeluarkan oleh Lembaga Perubatan Brunei.

Yang Berhormat menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal mengenai pemantauan ke atas klinik-klinik swasta dari segi mutu kualiti perkhidmatan dan keselamatannya terutama sekali prosedur perawatan dan ubat-ubatan yang diutarakan pada hari kesepuluh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sebelah petang yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, CoP dikeluarkan pada tiap-tiap tahun yang memerlukan *requirement* dan mana-mana ahli perubatan yang tidak mencukupi *requirement* tersebut tidak akan dibenarkan untuk membuka klinik ataupun untuk mempraktikkan kepakaran mereka di negara ini.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan berkata, pada masa ini pihak Kementerian Kesihatan sedang menggubal satu akta bersama dengan rakan-rakan di Jabatan Peguam Negara supaya klinik itu sendiri dapat dipantau.

Jelasnya lagi, Jabatan Perkhidmatan Farmasi dengan unit yang tertentu juga akan memantau klinik-klinik ini bagi memastikan bahawa ubat-ubatan yang dijual berkualiti tinggi ataupun yang sudah mendapatkan permit, dan juga cara penyimpanan ubat dan sebagainya kerana sesetengah ubat perlu disimpan di peti sejuk.

# Pencegahan penting dari rawatan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata, Kementerian Kesihatan mementingkan pencegahan daripada rawatan.

Pihak Kementerian Kesihatan katanya, tidak menggalakkan untuk menggunakan kaedah ataupun ubat-ubatan yang tidak *proven,* kalau sudah sampai tahapnya yang mengalami masalah obesiti ataupun berat badan yang berlebihan, perlu memakan ubat.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai kebimbangan masalah obesiti terutama di dalam kalangan kanak-kanak dan cara orang dewasa mengatasi kadar berat badan yang berlebihan ataupun obesiti ini dengan mengambil ubat-ubatan ataupun mengambil *supplement* tanpa memikirkan risiko kesan sampingan.

"Yang dikhuatiri ialah mungkin akan mendatangkan masalah lain pula, seperti masalah hati dan sebagainya ataupun buah pinggang," tambah Yang Berhormat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kesepuluh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menyentuh mengenai pemantauan ubat-ubatan pula, Yang Berhormat menjelaskan, pemantauan ubat-ubatan memang melalui Jabatan Farmasi, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, mana-mana ubat-ubatan yang akan dibawa untuk dijual di Negara Brunei Darussalam harus-lah terlebih dahulu meminta kebenaran.

Ubat-ubatan ini katanya, akan diperiksa dari segi keselamatannya dan sebagainya, dan apa pun *claim* dibuatnya, umpamanya mengenai penurunan berat badan ini.

Yang kedua, jelasnya, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui unit yang tertentu juga mengadakan *post marketing surveillance* yang dijalankan dengan menggunakan kaedah *risk based assessment.*

Mengenai nisbah doktor pakar dan pegawai-pegawai yang tertentu di Kementerian Kesihatan pula, Yang Berhormat menjelaskan memang jika dibandingkan dengan nisbah 14 Januari, 2014 dengan sekarang ini sudah meningkat.

Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat sebenarnya ia belum mencukupi.

Walaupun belum cukup nisbahnya itu bukanlah satu alasan yang kita tidak dapat memastikan perkhidmatan yang cemerlang dan terbaik, jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, nisbah doktor daripada data-data yang dikumpulkan pada masa ini untuk sepuluh ribu penduduk di Brunei nisbah doktor tambahnya, ialah kurang lebih 14.4 per sepuluh ribu penduduk.

Kalau dibandingkan dengan negara jiran, jelasnya, misalannya Malaysia 12 per sepuluh ribu, Singapura 19.5, kita mungkin terpaksa mengejar sedikit lagi.

"Pihak Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk memastikan yang nisbah doktor dengan penduduk negara ini akan meningkat," ujarnya.

# Pembinaan masjid berdasarkan garis pandu

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Mac. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dipengerusikan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib membuka tirai permesyuaratan dengan jawapan-jawapan bagi soalan yang telah diberi notis oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Ahli MMN, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar mengemukakan soalan mengenai pembinaan Masjid Kampung Sengkarai yang tergendala pembinaannya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN berkenaan mengakui bahawa pembinaan Masjid Kampung Sengkarai tersebut memang betul tergendala dan menghadapi masalah sehinggalah sekarang ini dimulakan kerja dengan pelantikan kontraktor yang baharu.

Projek pembinaan terhenti kerana ada masalah yang timbul dari pihak kontraktor walaupun telah diberi tempoh lanjutan untuk memudahkannya, namun tidak juga dapat disudahkan, jelas Yang Berhormat.

Untuk makluman, menurut Yang Berhormat, kontraktor yang dipilih adalah berdasarkan garis pandu yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa, garis panduan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melantik kontraktor atau pemborong. Kontraktor yang dilantik, tambah Yang Berhormat mempunyai *contract record* yang sangat baik.

Projek telah dimulakan semula oleh pemborong baharu dan kontrak bermula pada 2 November 2015 dengan menelan belanja BND 3,833,000,00 dari Dana Al-Gharimin, nyata Yang Berhormat. Kontrak perjanjian, menurut Yang Berhormat lagi, ditetapkan akan siap selama satu tahun.

Kementerian Hal Ehwal Ugama percaya, kalau tidak ada lagi halangan projek ini akan siap mengikut sebagaimana yang dijadualkan melihat kepada progresnya pada masa ini, ujar Yang Berhormat.

# Pengiktirafan status anak yatim

Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari kesembilan bagi sesi pagi bersidang kembali bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman mengenai pengiktirafan status sebagai anak yatim.

Menurut Yang Berhormat, anak yatim berdasarkan kepada hukum syarak, sebagaimana yang difatwakan oleh Mufti Kerajaan yang diterbitkan dalam buku Fatwa 2001 halaman 231 yang memetik nas daripada kitab Hashiah Al-Baiduri jilid II muka 281 yang menyebutkan, anak-anak yatim itu ialah : 1) Kanak-kanak yang tidak mempunyai bapa; 2) Kanak-kanak daripada anak luar nikah; 3) Anak pungut; dan 4) Kanak-kanak yang dinafikan dengan sebab diat atau sumpah di antara suami isteri bagi menafikan keturunannya atau nasabnya. Berdasarkan kepada hukum syarak, demikianlah pengiktirafannya.

Ini, tambah Yang Berhormat memang tidak ada disebutkan dalam mana-mana akta, hatta, dalam Undang-Undang Keluarga Islam 1999 Penggal 2017 tidak menyebutkan sedemikian.



YANG Berhormat Datin Paduka Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman

# Pendekatan 'Kembali kepada asas' Kementerian Kesihatan

Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said




**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian berat akan perkhidmatan penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk di negara ini dengan sifat keprihatinan, pemedulian serta komitmen baginda.

Ini jelas terbukti dengan sejumlah BND349,597,790.00 peruntukan Tahun Kewangan 2016 / 2017 yang disokong bagi Kementerian Kesihatan.

Demikian dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa menyampaikan ucapan mukadimah pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Negara yang sihat ialah negara yang makmur. Rakyat yang sihat yang mempunyai nilai tinggi terhadap agama dan negara dapat menjadikan sumber tenaga manusia yang lebih berdaya tahan dan produktif yang sudah setentunya akan meningkatkan kebolehan dan kedayatahan ekonomi negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, produktiviti yang tinggi dapat memberikan kesan terhadap pencapaian pendidikan dan kemahiran, pengeluaran inovasi dan kreativiti yang tinggi, pekerjaan yang membolehkan si pekerja untuk terus membangun dan berkembang (*gainful employment*), peningkatan pelaburan, peralihan demografi dan alam sekitar yang mana semua ini akan menyumbang kepada hasrat pembangunan inklusif lagi saksama.

Menurut Yang Berhormat, sejak 20 tahun kebelakangan, Negara Brunei Darussalam telah meraih beberapa pencapaian yang signifikan, salah satu daripadanya ialah kadar jangka hayat yang mana ia telah meningkat daripada 73 tahun kepada 76 tahun bagi lelaki dan daripada 76 tahun kepada 79 tahun bagi wanita.

"Walau bagaimanapun, pencapaian tersebut bukanlah bermakna kita dapat bersikap *complacent* atau leka. Kementerian kaola menyedari masih banyak lagi cabaran yang perlu ditangani dalam mencapai tahap kesihatan yang berkualiti tinggi, termasuklah keadaan ekonomi global yang tidak menentu, perubahan demografi penduduk dan peningkatan kadar penyakit tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs)," jelas Yang Berhormat.

Lebih membimbangkan, jelas Yang Berhormat lagi, ialah insiden penyakit-penyakit seperti darah tinggi dan kencing manis sudah mula timbul pada umur yang masih muda dalam lingkungan 20-30 tahun.

Perkara itu menurut Yang Berhormat bukan saja memberikan implikasi terhadap kos rawatan yang kian meningkat malahan produktiviti juga turut terjejas jika pesakit terpaksa menjalani rawatan yang berterusan dan ini menggambarkan situasi yang tidak memberangsangkan dalam keadaan negara memerlukan rakyat yang produktif, di samping keperluan untuk berbelanja secara berhemah serta bernilai tinggi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai cabaran tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan di Kementerian Kesihatan yang juga perlu ditangani seperti aduan dari segi kelamaan waktu menunggu, layanan yang tidak mesra, masalah ubat-ubatan, kakitangan, ambulans dan fasiliti yang tidak mencukupi dan lain-lain yang kerap dibangkitkan sama ada melalui telefon, media sosial atau surat khabar dan besar kemungkinan akan disuarakan lagi di persidangan ini.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat Kementerian Kesihatan sangat mengalu-alukan dan berterima kasih terhadap maklum balas dan nasihat yang diterima daripada orang ramai dan menganggap segala maklum balas yang diterima adalah membina dan bermanfaat (*constructive feedback*) terhadap Kementerian Kesihatan.

"Dalam menangani cabaran-cabaran ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil pendekatan 'Kembali kepada asas' atau *back to basics* dengan menilai semula lima aspek iaitu visi, misi dan matlamat Kementerian Kesihatan dalam konteks masa ini dan akan datang, memahami siapakah pelanggan (*customer*) sebenar, iaitu melihat pesakit bukan dari segi penyakitnya sahaja malahan dilihat sebagai seorang manusia yang mana penyakitnya itu akan memberi kesan bukan saja pada dirinya malahan pada ahli keluarganya, sahabat handai dan majikan, memahami ekspektasi pelanggan (*customer expectations*), menilai prestasi kementerian dan apakah perancangan dan pelan selanjutnya," jelas Yang Berhormat.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Ke arah ini, jelasnya lagi, sesi muzakarah di setiap daerah telah dan akan terus diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan dari dalam dan luar *(internal and external stakeholders)* termasuklah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan amat mengambil berat peri mustahaknya pensejajaran dan kongsi sama dilaksanakan dalam memastikan apa jua usaha yang dilakukan menepati kehendak rakyat dan aspirasi negara.

Perkara itu jelas Yang Berhormat adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 pada 24 November 2015 di mana baginda telah bertitah bagi kementerian-kementerian bersikap lebih proaktif dengan meningkatkan penyelarasan melalui pendekatan *whole of nation* di semua peringkat dalam pelaksanaan dasar-dasar negara.

# Kesembuhan pesakit diutamakan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata, pada masa ini, berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perkhidmatan rawatan pesakit yang tidak ada ataupun tidak mencukupi di negara ini, pesakit akan dihantar ke luar negeri.

Walaupun memakan kos dari segi perbelanjaan, pihak Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa perkara ini seharusnya tidak perlu dipertikaikan kerana ia melibatkan nyawa orang.

Menjelaskan perkara tersebut| semasa menjawab soalan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) sebelah petang yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dengan adanya Bangunan Pusat Kebangsaan Kanser (The Brunei Cancer Centre - TBCC) nanti, Negara Brunei Darussalam akan mempunyai dua pakar radioterapi.

Jelasnya, apabila banguna n tersebut dibuka nanti, Kementerian Kesihatan akan mengadakan kaedah rawatan radioterapi di negara ini dan dengan sendirinya akan mengurangkan kos perubatan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

# Langkah pengawalan kes denggi terus dilakukan

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Dalam usaha bagi memastikan berkurangnya kes-kes denggi di negara ini, beberapa langkah pengawalan perlu dilakukan antaranya penjagaan persekitaran yang bebas daripada tempat yang menjadi punca pembiakan nyamuk aedes selaku pembawa atau *vector* bagi virus denggi tersebut.

Semasa menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad bagi mewakili Daerah Temburong pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan bahawa 'Fumigation Spray' pula adalah perkara *secondary.*

Dengan melakukan 'Fumigation Spray' tersebut ujar Yang Berhormat, ia tidak mampu mencegah pembiakan nyamuk aedes walaupun disembur dua ketiga kali setiap hari kerana selagi ada takungan air atau saliran yang tidak mengalir, nyamuk-nyamuk ini akan membiak.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyeru semua semua pihak untuk sama-sama memastikan kawasan keliling rumah dan tempat-tempat bekerja tidak lagi ada tempat takungan-takungan air atau tempat pembiakan nyamuk ini.

Menteri Kesihatan juga mengongsikan kes tersebut, iaitu pada tahun 2015 katanya sebanyak 317 kes penyakit demam denggi dilaporkan di Negara Brunei Darussalam di mana angka tersebut adalah menurun berbanding dengan rekod pada tahun 2014, iaitu sebanyak 436 kes.

Daripada jumlah tersebut yang dicatatkan pada tahun lalu, hanya 17 kes sahaja telah dilaporkan di Daerah Temburong dan ia menunjukkan betapa pentingnya di Daerah Temburong memfokuskan kepada kebersihan di persekitaran perumahan mereka, di tempat kerja dan sebagainya.

Menyentuh mengenai isu perkhidmatan kejururawatan di Daerah Temburong pula, Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa pada masa ini, terdapat lebih 60 tenaga kejururawatan yang ditugaskan di Daerah Temburong.

Melihat dari prespektif yang lebih besar jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam, dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mempunyai nisbah jururawat dengan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap yang membanggakan.

"Jika kita melihat dari segi seluruh penduduk Brunei ini, nisbahnya ialah 80.5 jururawat bagi tiap-tiap 10,000 penduduk. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran kita mungkin lebih baik daripada Singapura atau Malaysia. Kalau di Singapura nisbahnya ialah 57.6 bagi tiap-tiap 10 ribu penduduknya. Malaysia agak kurang sedikit, iaitu 32.8 pada tiap-tiap 10,000 penduduk negara itu. Mungkin nisbah kita tidak setinggi seperti negara-negara yang *first world*, umpamanya Finland ataupun Belgium yang nisbahnya amat tinggi," terang Menteri Kesihatan.

Walau bagaimanapun, dari segi keperluan negara ini tambah Yang Berhormat, apa yang harus diusahakan bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah memastikan nisbah ini dapat memberikan (*deliver*) impak atau hasil yang dikehendaki.

Pihak Kementerian Kesihatan jelasnya akan bekerja keras secara berterusan bersama dengan *stakeholders* untuk memastikan layanan pelanggan yang hasilnya akan dapat tercapai.

Dalam masa jangka panjang pula ujar Menteri Kesihatan, dengan adanya pembinaan, jambatan penghubung ke Daerah Temburong, pihak Kementerian Kesihatan sudah mula mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu.

"Abis kaola mendapat *intel* dan *information* macam mana abis kaola akan merancang sumber tenaga manusia bagi perkhidmatan kesihatan pada masa akan datang," ujar Yang Menteri Kesihatan.



YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

# NCDs diambil serius

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Kementerian Kesihatan sentiasa memandang serius mengenai isu penyakit-penyakit yang tidak berjangkit (Non-Communicable Diseases - NCDs) dan telah melaksanakan beberapa langkah yang strategik untuk memastikan secara terus-menerus mengintegrasikan mesej 'Kesihatan adalah tanggungjawab semua - *health is everyone's business'* kepada seluruh penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Baru-baru ini, Kementerian Kesihatan juga telah menstruktur organisasinya, iaitu di Bahagian Pusat Promosi Kesihatan (HPC) selain juga mewujudkan majlis penasihat selaku komiti peneraju bagi Wawasan Brunei 2035 yang dipanggil Peneraju Strategi Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan demikian semasa menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Majlis penasihat tersebut katanya, dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan sendiri dan ahli-ahli komiti yang dilantik pula terdiri bukan sahaja daripada kementerian-kementerian malah juga daripada pihak-pihak orang awam dan juga orang ramai.

"Kita melihat mereka ini sebagai pemimpin akar umbi *(grass roots leaders)* yang datangnya dari sektor perniagaan (*business sector*), juga dari industri-industri yang berkenaan. Kita akan mengambil maklum balas daripada ahli-ahli ini untuk memikirkan pelaksanaan pelan kita bagi memastikan kita boleh memasukkan *everyone's health is business* ini kepada rakyat di negara kita ini," tambah Yang Berhormat.

Menteri Kesihatan percaya, inilah satu cara untuk menjadi lebih terbuka lagi supaya lebih faham akan isu-isu yang timbul dalam kalangan rakyat di negara ini.

"Kadang-kadang kalau kita akan meng*introduce* apa-apa perkara yang baharu, sebelum kita membuatnya lebih baik kita berbincang dahulu supaya nanti rakyat maklum mengapa kita membuat apa yang kita laksanakan itu.

"Apa yang kita laksanakan ini untuk kebaikan semua tetapi kadang-kadang kalau kita tidak menerangkan sebaik-baiknya mungkin perkara ini tidak akan diterima," ujar Yang Berhormat Menteri.

Menteri Kesihatan seterusnya menyatakan, Negara Brunei Darussalam juga tidak lari dari permasalahan yang dihadapi di negara luar dan pihak Kementerian Kesihatan mesti mendapat sokongan orang ramai memerhatikan macam mana untuk mengurangkan obesiti kerana jika dibiarkan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Pendidikan saja untuk memastikan kanak-kanak ini tidak memakan makanan yang tidak sihat, mungkin tidak mencukupi.

Yang Berhormat berkata, ia harus datang dari peringkat rumah, iaitu ibu bapa, adik-beradiknya dan semua sekali.

"Buat langkah awal ini Kementerian Kesihatan mengalu-alukan apa juga cadangan yang abiskita cadangkan, kami terbuka. Buat waktu ini kami akan merancang satu pelan tindakan dahulu dengan mengambil kira komen-komen daripada orang awam dan rakyat di Negara Brunei Darussalam dan juga mem*bench mark* (menanda aras) dengan apa-apa amalan yang terbaik agar kita tidak *reinventing the wheel* dahulu kita mahu bekerja lebih cepat ke hadapan," jelas Menteri Kesihatan.

Menjawab mengenai isu 'Job Skill Mismatch' pula, Menteri Kesihatan menerangkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melabur banyak wang atau kos untuk membangun *human capacity* di Brunei Darussalam termasuklah pakar-pakar, doktor-doktor dan sebagainya.

Dalam hubungan itu tambah Menteri Kesihatan, pihaknya sudah memulakan satu dasar di mana mereka yang pakar dalam Kementerian Kesihatan untuk terus-menerus mempraktikkan kepakaran masing-masing dan dimestikan sekurang-kurangnya tiap-tiap minggu mempraktikkan kemahiran tersebut kerana itulah *core business* mereka.

Untuk mengatasi isu pentadbiran, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, doktor kanan juga telah disaran melaksanakan sedikit hal-hal pentadbiran untuk mengatur jabatan-jabatan dan sebagainya, iaitu dengan menggandingkan para doktor dengan pentadbir agar dapat menjadi *second hand person* untuk menjalankan perkara-perkara pentadbiran jika ada isu-isu yang timbul.



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

# TBCC ditubuhkan bagi rawatan kanser




Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Pusat Kebangsaan Kanser (The Brunei Cancer Centre - TBCC) yang sudah beroperasi dalam dua ke tiga tahun lepas dan bangunan baharunya insyaaAllah akan siap pada tahun ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, penyakit kanser di negara ini menunjukkan peningkatan kerana kesedaran orang ramai untuk tampil ke hadapan menerima rawatan. Akan tetapi, mereka masih belum terbuka untuk membuat pemeriksaan awal apabila mereka mempunyai simptom penyakit ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menyatakan perkara itu sebagai jawapan kepada isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis mengenai kajian kos Kementerian Kesihatan jika pemeriksaan awal dijalankan secara mandatori dengan tujuan untuk menyelamatkan nyawa berbanding dengan kos merawat pesakit kanser pada tahap empat.

Tambahnya, kebanyakan pesakit yang datang mempunyai simptom kanser peringkat tiga dan empat, yang mana rawatannya adalah dari segi keberkesanannya jika dibandingkan dengan peringkat satu memanglah berbeza.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dengan adanya kaedah yang lebih canggih sekarang untuk mengesan kanser, kebanyakan daripada kanser ini dapat dikesan lebih awal lagi melalui diagnostik dan *scan* yang ada dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat, salah satu sebab penyakit kanser ini semakin meningkat adalah disebabkan oleh penduduk di sesuatu negara itu semakin meningkat umurnya, yang mana risiko untuk ditimpa masalah penyakit kanser ini katanya, akan meningkat jika dibayangkan sistem kedayatahanan (*immune system*) yang berkurangan.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.**

# Penggunaan *vape* berisiko

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - E-Cigarette atau *vape* masih diklasifikasikan sebagai sejenis rokok walaupun tidak menggunakan tembakau dan ia termasuk di bawah Akta Tembakau 2005.

Walaupun belum ada penyelidikan yang komprehensif mengenai perkara ini, namun pihak Kementerian Kesihatan secara awal merasa risiko daripada pengunaan e-Cigarette atau *vape* memang ada.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menjelaskan demikian semasa menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Yang paling mengkhuatirkan pihak abis kaola, apa yang dimasukkan ke dalam e-Cigarette' ini terutama sekali kepada belia, ang kitani takuti nanti *substances* yang dimasukkan ini, mungkin *substances* yang di*control.* Ini dikhuatiri akan menyebabkan ketagihan nanti.

"Dari segi isu *vape* risikonya kaola berpendapat haruslah dilihat ia seperti tembakau juga dan termasuk dalam Akta Tembakau 2005. Kalau biskita mengagai anak-anak buah biskita di kampung-kampung atau di mana-mana haruslah ditegur, bukannya asap *carbon*nya yang dikatakan *steam* tetapi *substance* yang di dalamnya yang mustahak," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Mengenai belanjawan yang ditimbulkan tentang rancangan untuk menjadikan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong sebagai hospital utama yang kedua di negara ini, Menteri Kesihatan berkata, kita perlu memikirkan apa yang dimahukan sebenarnya.

Jelas Yang Berhormat, kita mahu rakyat sentiasa sihat seberapa lama yang boleh dan apa yang dimahukan ialah konsep *wellness* ataupun kesihatan daripada konsep penyakit (*illness*).

Menteri Kesihatan seterusnya berkata, jika dilihat hospital-hospital di negara ini, terdapat empat buah hospital utama yang di bawah jagaan Kementerian Kesihatan dan 18 buah pusat kesihatan di merata tempat di seluruh daerah dan ini tidak mengambil kira hospital swasta dan pusat-pusat kecemerlangan seperti Pusat Jantung, Pusat Neurosains dan juga Pusat Kanser.

"Sudah tiba masanya kita memikirkan kesihatan (*wellness*) daripada penyakit ini. Oleh itu, jika kita menubuhkan hospital lagi bermakna kita seperti bersiap sedia pula untuk penyakit. Mungkin lebih baik kita mengubah sedikit pemikiran itu dengan mengutamakan kesihatan," ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut bersetuju jika Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dijadikan satu pusat kerana banyak kemudahan-kemudahan yang terdapat di hospital berkenaan di mana ia dibuat dengan tujuan utama sebagai satu hospital, mempunyai dua bilik bedah namun penggunaan bilik bedah ini berkurangan.

Kementerian Kesihatan tambah Yang Berhormat, juga berhasrat untuk mengadakan satu Pusat Kecemerlangan Bahagian Mata, Telinga, Hidung dan Kerongkong sebagai 'Centre of Excellence' di hospital berkenaan kerana rangkaian jalannya yang berkeadaan bagus.

"Jika dari bandar ke Tutong bukan seperti dahulu. Sekarang dalam jangka masa tiga puluh ke empat puluh minit dengan pemanduan perlahan pun sudah sampai. Sudah tiba masanya bagi dibuat perkara-perkara ini untuk mengoptimumkan lagi perkhidmatan (*services*) kita untuk memastikan jangan diduplikasikan lagi," tegas Menteri Kesihatan.

# Projek Assalam dan Bru-HIMS sebagai pemudah cara



**YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.**

Laporan : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Satu projek yang digelar 'Projek Assalam' telah pun dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan lagi Perkhidmatan Mesra Pelanggan.

Melalui projek ini, salah satu kemudahannya ialah menyenangkan orang ramai yang datang ke hospital supaya tidak lagi tercari-cari bagaimana untuk masuk ke wad-wad.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi menyatakan perkara tersebut semasa memberi respon kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Haji Akim pada hari ke-10 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menyentuh mengenai cadangan Yang Berhormat Awang Haji Jumat agar diadakan *database* bagi setiap pesakit di hospital, Menteri Kesihatan menyatakan bahawa ia merupakan satu cadangan yang baik.

Sistem Bru-HIMS yang memang ada keupayaan untuk membuat perkara tersebut dimulakan di Kementerian Kesihatan, di hospital-hospital dan juga di klinik-klinik kesihatan jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

"Pada masa ini kita masih lagi Bru-HIMS 1.0 dan akan berpindah. Mengapa kaola bercakap Bru-HIMS 1.0, kerana teknologi ini ada *life cycle*nya. Pada permulaan menggunakan Bru-HIMS ini banyak pengajarannya, banyak juga aduannya, umpamanya doktor-doktor ini lebih menumpukan perhatian kepada komputernya daripada pesakitnya," ujar Yang Berhormat.

Menurut Menteri Kesihatan lagi, perkara ini perlahan-lahan sudah berubah kerana doktor-doktor kini sudah biasa menggunakan komputer dan tumpuan akan ditumpukan sepenuhnya kepada pesakit dan pihaknya juga banyak menerima cadangan daripada pengguna bagaimana untuk menambah baik lagi sistem Bru-HIMS.

Pihak Kementerian Kesihatan jelas Yang Berhormat, akan bekerjasama rapat dengan pihak EGNC di Jabatan Perdana Menteri untuk membaik baik lagi sistem Bru-HIMS ini.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan dengan rakan-rakan kementerian yang lain juga sudah mula memikirkan sama ada sesa perkhidmatan ini terpaksa diberikan oleh pihak kerajaan sahaja atau mungkin boleh disalurkan kepada pihak-pihak swasta umpamanya menggunakan khidmat Public-Private Partnership - PPP) ini.

"Kalau sekiranya diswastakan, insyaAllah akan memberi peluang pekerjaan untuk orang ramai dan orang-orang yang masih menganggur umpamanya. Kita terpaksa memikirkan sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu 'Whole of Nation Approached'," jelas Menteri Kesihatan.

Mengenai dengan tahap-tahap hospital dan pusat-pusat kesihatan pula jelas Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan pada masa ini sudah memulakan satu rancangan 'Quality Assurance Scheme' dengan menanda aras JCI (Joint Commission International).

Pada masa ini tambah Yang Berhormat, di Negara Brunei Darussalam hanya sebuah hospital telah diberi pengiktirafan oleh JCI, iaitu Jerudong Park Medical Centre (JPMC).

Menurut Yang Berhormat lagi, buat masa sekarang pihak Kementerian Kesihatan berharap sekurang-kurangnya sebuah hospital dan dua klinik kesihatan akan diusahakan untuk mendapatkan pengiktirafan JCI dalam masa 12 ke 18 bulan ini dan kemajuannya akan dikongsikan pada masa akan datang.



**ANTARA yang hadir mendengarkan sidang Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN.**

# Syarikat telekom berperanan beri perkhidmatan jalur lebar

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Mohd. Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Daerah Temburong sekarang mempunyai 16 *base station* yang berfungsi, iaitu sembilan adalah kepunyaan Syarikat Data Stream Technology (DST) dan tujuh kepunyaan Syarikat Progresif Celullar Sendirian Berhad (PCSB) yang mana tempat-tempat letak stesen tersebut ialah Bangar, Labu, Lakiun, Puni, Sibulu, Rataie, Batu Apoi, Belalong, Bangar Exchange dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Temburong.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyatakan perkara tersebut susulan soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad mengenai menara telefon bimbit yang dibangunkan di Daerah Temburong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu, menurut Yang Berhormat, terdapat enam buah lagi *base station* atau menara yang terletak di Batang Tuau, Kampung Lagau, Rataie, Batang Duri, Labu Estate dan Kastam Labu yang belum berfungsi.

Menara-menara ini adalah antara infrastruktur yang dipersetujui untuk diambil alih oleh Syarikat PCSB dalam Take Over Agreement dengan Syarikat B-Mobile Communications yang tidak lagi menjalankan perniagaan.

Yang Berhormat menjelaskan, dengan hasrat untuk mengaktifkan menara-menara ini, pihak Syarikat PCSB telah memohon kepada pihak berkuasa Industri Teknologi Info Komunikasi (AITI) untuk menambah kategori di dalam lesen Infrastructure Provider for The Telecommunication Industry atau *entilicence* untuk membolehkan syarikat berkenaan mengadakan *lease line* dan *microwave* sebagai *back bone* atau tulang belakang pada perkhidmatan telefon bimbit dan jalur lebar di kawasan berkenaan.

Perkara ini, menurut Yang Berhormat, telah pun dipertimbangkan dengan baik dengan tujuan membuka dan menjaga kestabilan pasaran sektor telekomunikasi dan dengan hasrat pihak berkenaan akan menggalakkan pertumbuhan sektor pembuatan terutama dalam pek teknologi telekomunikasi di negara ini.

Yang Berhormat menyatakan, pihaknya menyedari syarikat-syarikat telekom mempunyai peranan besar dalam proses pemberian perkhidmatan jalur lebar di seluruh tempat di negara ini terutama dalam tujuan untuk merapatkan jurang digital selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Mengenai kemasukan pancaran Maxis, Digi dan Celcom dari negara jiran yang menembusi di semua kawasan di Daerah Temburong, Yang Berhormat menjelaskan antara beberapa faktor yang menyebabkannya ialah kawasan dan ceraian atau taburan penduduk yang berhampiran dengan pembatasan yang menerima perkhidmatan telefon; sifat dan karakter pancaran *spectrum* frekuensi itu sendiri; kekuatan dan *decibels* pancaran berkenaan; dan menara-menara telekom juga perlu diletakkan di kawasan-kawasan strategik untuk mendapatkan liputan pancaran yang *maximum coverage* kepada penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan. Ini bermakna limparan pancaran berlaku di mana-mana tempat di perbatasan bergantung pada keadaan yang dinyatakan tadi termasuklah pancaran-pancaran dari Negara Brunei Darussalam yang juga memasuki kawasan jiran.

Pancaran-pancaran tersebut, jelas Yang Berhormat, bukan hanya terhad pada perkhidmatan telefon bimbit sahaja, tetapi juga pancaran perkhidmatan radio dan perkhidmatan pancaran televisyen. Sementara itu, syarikat DST dan PCSB juga perlu meningkatkan pancaran mereka di kawasan-kawasan sempadan dan di kawasan-kawasan yang masih rendah liputannya. Ini bagi memastikan pelanggan DST dan PCSB dapat menggunakan perkhidmatan yang lebih baik tanpa menggunakan perkhidmatan *roaming.*

Bagi menangani isu liputan pancaran dari telefon bimbit, penyedia-penyedia telekomunikasi dari kedua-dua negara telah mengadakan perundingan dan usaha untuk mencari jalan yang terbaik untuk mengawal pancaran. Salah satu cara ialah dengan mengurangkan tenaga pancaran dan menundukkan ke bawah antena-antena *base station* telefon bimbit, jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, penyedia-penyedia telekomunikasi dari kedua-dua negara bersetuju untuk menurunkan pancaran dan menundukkan antena-antena *base station* telefon bimbit jika sekiranya pancaran radio dari negara jiran sama ada dari Negara Brunei Darussalam ataupun kawasan jiran melebihi dari -98 decibel miliwatt selepas 3 kilometer dari sempadan, iaitu melebihi kurang dari 98 decibel miliwatt selepas 3 kilometer dari sempadan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan para penyedia telekomunikasi dari Negara Brunei Darussalam akan sentiasa membuat *drive test* bagi memastikan kadar tenaga pancaran radio dari *mobile base station* negara jiran tidak melebihi dari kadar tenaga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Pihak AITI juga menasihatkan pengguna-pengguna telefon bimbit yang tinggal di kawasan berhampiran dengan sempadan atau yang berada di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam untuk membuat pilihan secara manual mengenai perkhidmatan telekomunikasi yang hendak digunakan. Ini untuk mengelakkan pengguna-pengguna telefon bimbit dari menggunakan telefon bimbt mereka secara automatik dengan kadar *roaming.*

# Komited tingkatkan usaha jaga keselamatan jalan raya

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit, Mohd. Sahrizal Mohd. Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Sistem Keselamatan Amalan Pemandu (SiKAP), sejak dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2013 telah menunjukkan kesan yang positif terutama dalam mengawal kes-kes melanggar undang-undang lalu lintas negara. Mengikut statistik yang diambil Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), didapati bahawa kadar pemandu yang melanggar peraturan jalan raya yang dikenakan Mata Demerit adalah menurun, iaitu daripada 4,080 kes pada tahun 2014 kepada 992 kes pada tahun 2015.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyatakan perkara tersebut susulan soalan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim mengenai dapatan-dapatan yang diperoleh oleh pihak berkenaan khususnya JPD mengenai sistem 'Demerit' atau SiKAP pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Dewan Majlis, di sini.

Berdasarkan pada maklumat erkini yang diterima, menurut Yang Berhormat, jumlah pesalah keseluruhan yang didapati sehingga 14 November 2015 ialah sebanyak 6,669 orang. Jumlah yang sudah membayar kompaun dan yang dikenakan Mata Demerit ialah sebanyak 3,583 orang.

Yang Berhormat menjelaskan SiKAP adalah salah satu lagi usaha Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan lalu lintas dengan mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya.

Dalam sistem ini, mana-mana pemandu yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang jalan raya, maka selain dikenakan denda, pemandu berkenaan juga akan diambil tindakan pentadbiran dengan diberikan Mata Demerit yang membolehkan lesen memandu mereka digantung atau ditarik balik, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat ingin menekankan bahawa hanya mereka yang didenda sama ada yang dikenakan kompaun atau denda yang dijatuhi oleh mahkamah sahaja dikenakan Mata Demerit.

Menurut Yang Berhormat, jumlah pesalah yang telah dikumpul Mata Demerit, iaitu sebanyak 20 Mata Demerit telah dikenakan kepada lapan orang; jumlah pesalah yang telah mengumpul 21 Mata Demerit ialah 61 orang; jumlah pesalah yang telah mengumpul 18 Mata Demerit ialah 171 orang; dan jumlah pesalah yang telah mengumpul 12 Mata Demerit ialah 361 orang.

Sistem SiKAP, ujar Yang Berhormat, mempunyai pengaruh yang kuat dalam kelibat pemandu khususnya dalam memberikan ingatan yang berterusan untuk mematuhi Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas.

Bagaimanapun, kadar kemalangan jalan raya sejauh ini belum menunjukkan perubahan yang signifikan. Kadar kemalangan masih pada tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 3,366 kejadian pada 2014 dan 3,345 kejadian pada tahun 2015.

Dari data yang dikumpulkan sebanyak 85 ke 95 peratus kemalangan berpunca dari pelbagai hal perilaku pemandu termasuk kecuaian dan sifat pemandu yang suka mengambil risiko semasa memandu yang antaranya ialah memandu dalam keadaan lelah; memandu di bawah pengaruh alkohol; memandu dengan had laju; dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Pelaksanaan sistem Mata Demerit, menurut Yang Berhormat memerlukan ketegasan dan keazaman yang berterusan. JPD akan sentiasa menjelaskan sistem ini kepada orang ramai melalui media massa, kurikulum pendidikan, kempen keselamatan jalan raya dan sebagainya.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai peranan Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya yang selama ini telah banyak mengambil inisiatif dan program yang menjurus pada meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan lalu lintas. Antara aktiviti yang diungkayahkan secara berterusan termasuk acara-acara keagamaan, pameran, taklimat, poster-poster, mesej-mesej melalui radio dan juga pembuatan video yang disalurkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB).

Menurut Yang Berhormat, semua *video production* akan ditayangkan atau dikongsikan lebih dahulu melalui proses *review* dan penapisan oleh pihak Majlis Keselamatan Jalan Raya dan pihak-pihak yang berkenaan untuk memastikan kandungan, kesesuaian plot dan cerita yang dimaksudkan.

Majlis Keselamatan Jalan Raya, jelas Yang Berhormat, berterusan mengambil sikap terbuka dengan idea baharu dan berkolaborasi dengan agensi lain yang berkaitan seperti RTB dengan semangat 'Whole of Nation Approach' dalam sama-sama membarigakan 'Road Safety Message' untuk orang ramai.

Kementerian Perhubungan, menurut Yang Berhormat akan terus komited pada meningkatkan usaha ke arah menjaga keselamatan di jalan raya dengan melibatkan semua agensi kerajaan, pihak swasta dan orang ramai dalam konteks pendekatan seluruh negara (Whole of Nation Approach).

Ini selaras dengan sasaran Kementerian Perhubungan bagi mencapai komitmen dalam inisiatif 5E di bawah The United Nations of Decade of Action for Road Safety Tahun 2011 - 2020, iaitu 'Education, Enforcement, Engineering, Emergency and Enviroment'.



YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.

# Aplikasi halal masih dalam proses



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

**Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Mac. - Aplikasi *online* halal adalah bagi orang ramai mengetahui senarai restoran halal di negara ini serta bahan-bahan makanan-minuman yang telah diiktiraf halal selain bagi tujuan memudahkan permohonan sijil atau permit halal.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dalam pada itu kemudian menerangkan persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin bahawa aplikasi Halal yang dikenali sebagai Halal Management Tracking System sedang diusahakan oleh pegawai di Bahagian Kawalan Makanan Halal dan apabila semua proses yang bersesuaian untuk menggunakan aplikasi tersebut selesai, ia akan dikongsikan kepada orang ramai.

Bahan-bahan halal yang dilabel halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) akan dipamerkan dalam aplikasi halal itu nanti. Sementara, bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan pensijilan halal luar negara sedang dalam penelitian sama ada dapat dipamerkan dalam aplikasi berkenaan dengan mengkaji aspek-aspek dari segi peraturan pengiklanan dan juga 'Intellectual Property' (IP) daripada pihak-pihak berkenaan.

Jika kemudahan-kemudahan ini sudah ada dan jelas, maka bahan-bahan yang tidak diiktiraf halal oleh badan-badan pensijilan halal luar negara itu, jika tidak berlawanan dengan aturan-aturan pengiklanan dan IP, maka ia akan dimuatkan dalam aplikasi berkenaan.




Sehingga kini, bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh pihak badan pensijilan halal kita sendiri, iaitu Bahagian Kawalan Makanan, MUIB dan juga bahan-bahan yang diiktiraf halal oleh badan-badan pensijilan luar negara ada disiapkan dalam bentuk cekera padat untuk diberikan oleh pemohon-pemohon berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan hal berkenaan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 MMN, hari kesembilan, Sesi Pagi yang bersidang di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

# Wang tabung masjid bina gelanggang

**Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari kesembilan bagi Sesi Pagi bersidang kembali bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan mengenai persoalan yang dikemukakan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit mengenai pembinaan gelanggang sukan dalam dan luar kawasan masjid.

Menurut Yang Berhormat, wang tabung masjid boleh digunakan bagi tujuan maslahat masjid. Jika membina gelanggang sukan dalam kawasan masjid termasuk maslahat masjid, maka ia harus dan boleh digunakan.

Maslahat masjid itu, tambah Yang Berhormat, antaranya ialah untuk mentakmirkan masjid. Dengan adanya kemudahan-kemudahan sedemikian dijangkakan akan lebih ramai orang yang akan tertarik datang ke masjid mengikuti program sukan yang diaturkan melalui garis panduan tertentu supaya sukan yang berkenaan sukan yang mengikut etika kesukanan dan sesuai dengan kehormatan majlis dan bahkan juga mengenai ketetapan waktu-waktu tertentu yang membolehkan mereka sebelum atau sesudah bersukan akan mengerjakan sembahyang di masjid.

Maka membina gelanggang sukan di dalam kawasan masjid ada Fatwa No. 41208 Fatwa Mufti Kerajaan kita mengharuskan sedemikian itu, jelas Yang Berhormat.



YANG Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

# HSE menjadi keutamaan

**Laporan : Aimi Sani**
**Foto : Hamzah Mohidin, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 17 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menegaskan bahawa Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran atau 'Health, Safety and Environment (HSE)' adalah merupakan keutamaan kelima Kementerian Perhubungan.

Menurutnya, dalam usaha kementerian ini untuk memastikan keupayaan memudahcara aktiviti-aktiviti perekonomian, isu keselamatan tidak diabaikan.

"Antara tujuan yang ingin dicapai ialah untuk membudayakan aspek-aspek keselamatan, kesihatan dan penjagaan alam sekitar dalam pengurusan sistem pengangkutan awam.

"Ke arah ini Kementerian Perhubungan telah menubuhkan Bahagian Keselamatan dan Siasatan yang berfungsi sebagai badan untuk membuat penyelarasan dan penyelidikan mengenai seluruh aspek keselamatan dan penyiasatan dalam pengangkutan awam," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai keselamatan motor sangkut di negara ini, Yang Berhormat Menteri Perhubungan turut memaklumkan mengenai penetapan satu 'Domestic Class' sebagai piawaian perahu-perahu tempatan yang mana ini bertujuan untuk memastikan perahu-perahu yang dibina mengikut piawaian-piawaian dan *standard* keselamatan yang ditetapkan.

Sementara itu, Jabatan Kajicuaca juga katanya, tidak ketinggalan dalam berusaha untuk meningkatkan kapasiti dalam memberi perkhidmatan menyediakan maklumat cuaca dan iklim yang tepat untuk keselamatan penduduk dan rakyat di negara ini.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Dengan peruntukan yang diluluskan bagi Kementerian Perhubungan, jelas Yang Berhormat, semua perancangan yang telah dan sedang berjalan ketika ini akan dapat diteruskan untuk kemudahan rakyat.

Kementerian Perhubungan ujarnya, akan terus melaksanakan projek-projek strategik sebagai usaha berterusan ke arah kemajuan ekonomi dengan membuka ruang-ruang perdagangan (*creating economic space*), meningkatkan ketahanan ekonomi (*economic resilience*), dan menggalakkan persaingan ekonomi yang mampan (Economic Competitiveness).

Dalam memikul tanggungjawab ini, Yang Berhormat menjunjung kasih setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam terutama pada memastikan kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam berdasarkan Melayu Islam Beraja, aman makmur di bawah payung pemerintahan baginda menjadikan Negara Brunei Darussalam 'Baldatun Tayyibatun Warrabbun Ghafor'.

# MUIB bantu pembayaran tunggakan perumahan

**Laporan : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari kesembilan bagi Sesi Pagi bagi menjawab persoalan yang ditanyakan Ahli MMN, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah mengenai pembayaran tunggakan perumahan.

Menurut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin menjelaskan pada tahun 2007 hingga 2009, Kementerian Hal Ehwal Ugama, MUIB mengambil langkah untuk mengagihkan baki wang zakat yang terkumpul.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis denan 'TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU, JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM' tanpa menunjukkan identiti pembekal. Tawaran-tawaran yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan :
i) Harga Tawaran.
ii) Tempoh Pembekalan (menyiapkan pesanan).
iii) Kualiti Kain (jenis dan buatan).
iv) Warna Kain mestilah warna kuning cream dan putih dan juga contoh kain hendaklah disertakan.
v) Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Lesen Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.

5. Segala bayaran berikutan dari pembekalan seperti cukai kastam dan sebagainya adalah ditanggung oleh pembekal itu sendiri.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidaklah semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

---

## JABATAN MUFTI KERAJAAN
## JABATAN PERDANA MENTERI

**BILANGAN TAWARAN :**
**JMK/BPB/A/2016/05**

**TAJUK TAWARAN :**
**TAWARAN BAGI KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN LANSKAP KAWASAN LUAR BANGUNAN DARULIFTA, JABATAN MUFTI KERAJAAN, SIMPANG 26, JALAN PENGIRAN BABU RAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat / pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam seperti perkara di atas.

2. Borang tawaran bolehlah diperolehi di **Bahagian Perancangan dan Kewangan, Tingkat Bawah, Blok Pentadbiran, Bangunan Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam di alamat Simpang 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Negara Brunei Darussalam.**

3. Pengambilan borang tawaran dan bayaran **BND20.00 (Ringgit : DUA PULUH Sahaja)** secara tunai akan dikenakan bagi tiap-tiap satu dokumen tawaran (tidak akan dikembalikan) **mulai 24 Mac sehingga 2 April 2016** dari **jam 8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi dan dari 2.00 Petang hingga 3.30 Petang.**

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut di bawah dalam sampul surat yang tertutup (*sealed envelope*) dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat dari jam 2.00 Petang, hari Selasa, 26 Jamadilakhir 1437 Hijrah bersamaan 4 April 2016 Masihi.**

**PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA / TAWARAN**
**JABATAN MUFTI KERAJAAN**
**SIMPANG 26**
**JALAN PENGIRAN BABU RAJA**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2112**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
**BILANGAN TAWARAN :**
**JMP/BPB/A/2016/05**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

---

## JABATAN MUZIUM-MUZIUM
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**BILANGAN TAWARAN :**
**04/JMM/S/12/91-2016**
**TAJUK TAWARAN :**
**UPGRADING AND RENOVATION WORKS TO MAINTENANCE AND REPAIR WORKSHOP AT KG. PELAMBAYAN, JALAN KOTA BATU, MUSEUM DEPARTMENT, BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan yang sah dalam kategori kerja **KA01 dan B01 - Kelas II Ke Atas.**

2. *'Main Contractor'* ataupun penglibatan perkhidmatan *'Sub Contractor'* bagi kerja-kerja elektrikal dan mekanikal hendaklah dari syarikat-syarikat / pemborong-pemborong tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dalam **kategori kerja E01 dan M01.** Sijil Pendaftaran hendaklah disertakan bersama dokumen tawaran.

3. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

4. Lawatan bagi melihat tempat berkenaan akan diadakan pada hari **Isnin, 28 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.** Semua syarikat / pemborong adalah dikehendaki berkumpul di Bangunan Bengkel Pemeliharaan dan Pembaikan, Jalan Kota Batu pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.

5. Dokumen tawaran boleh diperolehi dari **Bahagian Pentadbiran, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

6. Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada **Pegawai Kerja dari Bahagian Pemeliharaan Bangunan dan Kawasan, Jabatan Muzium-Muzium, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.**

7. Yuran tawaran adalah **BND30.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah (*bona-fide tender*).

8. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (***sealed***) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam.**

9. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran (berwarna BIRU) yang disediakan di :

**Tingkat 1**
**Ruang Masuk / Penyambut Tetamu**
**(depan kaunter sekuriti)**
**Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**
**Simpang 336-17**
**Jalan Kebangsaan, BS8110**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat 5 April 2016, jam 2.00 Petang, hari Selasa.**

10. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

11. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Sabtu, 2 April 2016, jam 11.00 Pagi.**

12. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

13. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (*Business Enactment Section 16 & 17*) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

14. Setiap borang tawaran yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 12) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 6).

15. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

16. Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN/4(39/1997).

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 01/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DATO AWG. AHMAD BIN YUSSOF @ AWG. AHMED BIN YUSOP** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATIN DAYANG BESAR BINTI AWANG HAJI MOHD. YUSOF** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 12 April 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 64/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI RASHID BIN HAJI MAT YASSIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SITI ROKIAH BINTI HAJI MAT YASSIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 5 April 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 15 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 83/2013**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SHARAZUDDIN BIN HAJI MASRI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MASRI BIN DATO HAJI MOHAMAD YUSSOF** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 5 MAC 2016.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam.**

---

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 46/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. MOHD. SUFFREE BIN PG. HJ. TUAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJI TUAH BIN PENGIRAN HAJI MENUDIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 05 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 54/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI PUDIN BIN HAJI BAGOL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MAHANIE BINTI HAJI BUDIMAN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 05 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 52/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SAMSUDIN BIN HJ PUASA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI PUASA BIN BURUT** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 02 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 62/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DYG. HJH. HAMIDAH BINTI HJ. YAHYA** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABD. MAJID BIN MD. SARUAI** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 42/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **CHAI PONG SHANG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CHAI THIAM FAH** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 22 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 09 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 59/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHD. YUSSOF BIN B.M.D.P. HJ. BAKAR** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DATIN DAYANG HAJAH ZAINAB BINTI ABU BAKAR** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 60/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HANI HAMIZAH BINTI ABDULLAH WANG** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI BUYONG BIN ARSHAD** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 29 Mac 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 09 MAC 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/NO. 58/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LAI MOI HAU** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LAI TECK** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 12 April 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 MAC 2016.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam.**

# Julang produk tempatan

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

SEBAGAI negara yang maju dan kian membangun, Brunei Darussalam sebenarnya telah berjaya mengeluarkan pelbagai produk serta barangan sendiri atas hasil keringat usahawan-usahawan kecil dan sederhana mahupun usahawan yang berjaya di negara sendiri. Sudah tiba masanya untuk rakyat di negara ini membuka mata tentang barangan buatan tempatan di mana kualitinya setanding dengan barangan luar negara, malah segelintirnya ada yang lebih baik daripada produk luar negara.

Sudah tiba masanya bagi rakyat di negara ini untuk tidak lagi mengagungkan barangan luar. Barangan keluaran tempatan kini sudah setanding dengan produk luar dari segi kualitinya, malah dijamin kualitinya. Dengan ini muncul satu persoalan, apakah kebaikan membeli barangan buatan tempatan?

Selain menjimatkan perbelanjaan keluarga, manfaat lainnya ialah meningkatkan imej negara. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui pembelian barangan tempatan, kita dapat
tempatan di mata dunia.

Faktor yang menyumbang masyarakat lebih gemar mengagung-agungkan barangan import biarpun harganya mahal ialah mereka beranggapan bahawa barangan import lebih berkualiti. Lazimnya pada hemat masyarakat, barangan yang harganya lebih murah biasanya tidak berkualiti, manakala barangan yang mahal pasti berkualiti tinggi. Oleh itu, kepentingan dalam membeli barangan buatan negara sendiri perlu diuar-uarkan dan dipergiat bagi membuka mata rakyat tempatan agar mereka tidak menganaktirikan produk sendiri.

**MENYELAMATKAN ALIRAN MATA WANG**

Satu kepentingan paling dominan dalam membeli barangan buatan negara sendiri ialah dapat mengelakkan pengaliran mata wang kita ke luar negara. Mata wang negara kita tidak akan mengalir keluar jika rakyat Brunei Darussalam sendiri mengutamakan dan membeli barangan tempatan dalam memenuhi keperluan harian mereka. Dana utama negara juga akan meningkat sekali gus akan dapat membendung masalah inflasi. Sudah sampai masanya rakyat di negara ini mengubah tanggapan negatif yang beranggapan bahawa barangan import lebih baik daripada barangan tempatan. Jelaslah bahawa apabila semua rakyat tempatan memilih dan membeli produk tempatan, kita sebenarnya telah berjaya mengawal mata wang kita daripada mengalir ke luar negara.

**JANGAN PANDANG RENDAH**

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, kita perlu mengikis sikap dan pemikiran yang memandang rendah terhadap barangan buatan tempatan, dan sebaliknya membina semangat 'Brunei Boleh' dalam semua aspek termasuk soal kualiti dan standard barangan sendiri.

Namun demikian, untuk membantu mempromosikan, mengangkat martabat produk tempatan kita dan juga memajukan lagi perusahaan tempatan kitani ia memerlukan pihak-pihak yang tertentu untuk terus berusaha membantu dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing lebih-lebih lagi kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana kitani seperti pemakanan produk halal, pelancongan, pengangkutan, pertanian, ternakan ayam, ikan dan lain-lain sehingga mereka ini mencapai kejayaan terutama kepada *entrepreneur* belia kerana mereka inilah harapan negara dalam meneruskan hasrat negara untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.



SALAH satu produk hasil rakyat tempatan yang seharusnya mendapat sokongan dan dorongan dari penduduk tempatan kitani.

Dengan adanya penubuhan pusat untuk SMEs, Darussalam Enterprise (DARe) diharap akan dapat merealisasikan hasrat murni negara di samping menyediakan kemudahan pinjaman kewangan yang berpatutan bagi membantu perusahaan dan perniagaan mereka berkembang.

Sesetengah pengguna tidak mendapat maklumat yang lebih mendalam untuk membezakan produk tempatan dan produk luar. Oleh itu, kita perlu sentiasa peka dengan kehadiran barangan keluaran tempatan sedangkan dan ini pastinya juga memerlukan pihak-pihak berwajib dalam membantu mempromosikan kehadiran produk-produk tempatan. Antara usaha yang boleh dilaksanakan seperti kekerapan mengadakan Kempen Beli Barangan Brunei secara berterusan yang mana bertujuan untuk memperkenalkan barangan buatan tempatan kepada seluruh rakyat, agar dapat membantu ekonomi negara. Ke arah ini adalah perlu semua agensi, sektor swasta dan NGO memainkan peranan masing-masing.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad ketika Majlis Mesyuarat Negara telah menekankan mengenai penghasilan Satu Kampung Satu Produk yang diusahakan oleh penduduk kampung di seluruh negara yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, orang-orang kurang upaya, janganlah dipandang kecil. Jika produk ini ditangani dan dibantu secara bersepadu dan dipusatkan operasinya, kualiti dan pasarannya dengan betul pastinya ia dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bukan sahaja untuk sara diri bahkan juga untuk pengeksportan ke luar negeri.

Yang Berhormat berpendapat untuk menyokong dan menyuntik semangat agar para usahawan tempatan lebih berkeyakinan mempromosi serta mempelbagaikan usaha mereka, pihak-pihak swasta, dewan-dewan perdagangan dan perniagaan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini serta pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga tempatan yang sudah bertapak dan berjaya sebaiknya dipelawa menyumbang sama terhadap kemajuan ekonomi negara sebagai sumbangan terhadap bangsa dan negara.

Dalam usaha mempromosikan lagi produk tempatan / negara kita, Yang Berhormat turut berharap kerjasama dari duta-duta kita yang berada di luar negara kerana mereka juga berpotensi membantu mempromosikannya bahkan agar dapat terus berusaha memainkan peranan mereka dalam mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan perusahaan yang bersesuaian dan berpatutan dengan kemampuan para pengusaha dan peniaga kita.

Dengan keramaian penduduk negara seramai 400 ribu orang, jelas Yang Berhormat kita sepatutnya berganding bahu, bersatu dalam semua perkara demi menjana ekonomi negara di mana persepsi rakyat perlu diubah dari segi



PENGUSAHA produk tempatan kini lebih kreatif memenuhi cita rasa penduduk tempatan.




GAMBAR HIASAN... PRODUK keluaran anak tempatan lebih dipercayai dari segi mutu kualitinya.

mentaliti. Tidak perlulah kita sebagai rakyat di negara ini untuk lebih mendewa-dewakan barangan import, sedangkan sudah terang lagi bersuluh, di negara sendiri sudah ada barangan yang setanding.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menyampaikan mukadimah semasa membincangkan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada MMN telah menjelaskan, dari segi penjanaan ekonomi di peringkat mukim dan kampung, kementerian ini akan terus berusaha meningkatkan keberhasilan Projek Satu Kampung, Satu Produk dengan melaksanakan rancangan meningkatkan tiket termasuk pemasaran dari aspek pembungkusan (*packaging*) yang lebih menarik dan juga penghasilan secara skala besar bagi menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Dengan adanya program-program sedemikian jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, ia akan meningkatkan keupayaan masyarakat mukim dan kampung dalam menjana perekonomian masyarakat ke arah sara diri dan bantu diri dan seterusnya bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk setempat.

**KEMPEN BERTERUSAN PERLU**

Kesimpulannya, apa yang diharapkan Kempen Belilah Barangan Buatan Brunei dapat dijalankan secara berterusan kerana sudah menjadi tabiat masyarakat kita mudah lupa dan perlu pula digerakkan melalui kempen untuk mendedahkan kepada mereka produk keluaran tempatan sendiri. Jikalau bukan kita rakyat di negara ini untuk menjulangkan, mendedahkan serta membanggakan produk buatan tempatan, siapa lagi yang akan menjulangkan produk buatan tempatan ini dan siapa lagi yang akan memajukan dan membangunkannya.

# Syukuri nikmat, elakkan pembaziran




MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah kurnia-Nya kita dapat merasai segala nikmat yang telah dianugerahkan-Nya kepada kita. Segala kenikmatan itu sama ada kita sedari atau tidak, telah mendatangkan kemanfaatan atau faedah untuk kehidupan kita di dunia ini.

Sememangnya jika hendak dikira satu persatu nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita sudah tentu tidak akan terhitung banyaknya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 34 yang tafsirnya :

*"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya."*

Adapun salah satu nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ialah air. Air bukan sahaja menjadi sumber asasi kepada manusia, bahkan ia juga adalah sumber kehidupan kepada makhluk lain ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala seperti haiwan, tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan. Tanpa air, bumi akan menjadi gersang dan tandus dan semua yang hidup akan menderita dan binasa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-nahl ayat 10 - 11 yang tafsirnya :

*"Dialah yang menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman kamu dan sebahagiannya menyuburkan tumbuh-tumbuhan yang padanya kamu mengembalakan ternakan kamu. Dialah juga yang menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya pada yang dimakan itu terdapat tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang mahu berfikir."*

Pentingnya air untuk kehidupan manusia bukan setakat untuk keperluan harian sahaja, bahkan air juga diperlukan untuk beribadat, untuk pertanian, pengangkutan dan mampu membawa pembangunan disesebuah tempat. Kita imbas kembali kepada kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam meninggalkan isterinya Siti Hajar dan puteranya Ismail di sebuah tempat yang kering dan tandus, tiada air dan kehidupan dan tidak berpenghuni. Baginda meninggalkan mereka berdua kerana melaksanakan perintah Allah Suubhanahu Wata'ala yang sudah setentunya mempunyai rahsia yang tersirat. Ketika bekalan makanan dan air habis, Siti Hajar berusaha mencari air dengan berlari-lari kecil dari Bukit Safa ke Bukit Marwah sambil memohon pertolongan kepada Allah. Dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, air memancar di antara kedua kaki Ismail. Apabila diketahui bahawa tempat gersang itu telah mempunyai sumber air, secara perlahan-lahan manusia mula datang ke tempat tersebut dan tinggal di situ. Sejarah ini jelas membuktikan betapa sumber air itu sangat penting sehingga mampu menjana pembangunan disesebuah tempat.

Perlu diketahui bahawa masih terdapat lebih dari satu bilion orang yang belum dapat menikmati kemudahan air yang bersih, bahkan terdapat juga orang yang terpaksa bersusah payah mengangkat sendiri air dari telaga atau sungai ke rumah masing-masing. Oleh itu, kita amat bersyukur dan berterima kasih kepada pihak kerajaan yang telah membekalkan air yang bersih untuk keperluan kita semua.

Air yang bersih adalah nikmat yang besar kepada kehidupan kita. Cuba kita bayangkan, apa akan terjadi jika tidak ada air bersih untuk kegunaan kita sehari-hari. Sememangnya jika kita meminum dan menggunakan air yang tidak bersih, kesannya boleh menyebabkan masalah kepada kesihatan dan sebagainya. Oleh yang demikian, kita wajib bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpah kurnia tersebut, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Waqi'ah ayat 68 - 70 yang tafsirnya :

*"Tidakkah kamu perhatikan air yang kamu minum? Adakah kamu yang menurunkan dari awan sebagai hujan atau kami yang menurunkannya? Kalau kami kehendaki kami jadikan ia masin maka mengapakah kamu tidak bersyukur?"*

Sebagai pengguna juga kita perlu bijak dalam menggunakan air, iaitu dengan berjimat cermat dan tidak membazir, lebih-lebih lagi sebagaimana yang kita maklumi pada masa ini bahawa negara kita sedang mengalami cuaca kering dan panas berikutan adanya fenomena El-Nino. Keadaan ini sedikit sebanyak boleh mengakibatkan penurunan hujan yang sedikit dan boleh mengurangkan kapasiti simpanan ampangan air di negara ini. Oleh itu, kita hendaklah menggunakan air dengan kadar yang berpatutan dan yang diperlukan sahaja.

Selain itu, kita hendaklah juga mengambil langkah positif dengan menanamkan sikap untuk lebih menghargai nikmat air. Ini kerana menurut kajian daripada Jabatan Perkhidmatan Air bahawa kadar penggunaan air di negara ini adalah yang tertinggi di rantau ini. Kita sangatlah beruntung kerana kadar tarif air di negara ini adalah rendah, namun itu bukanlah alasan untuk kita menggunakan air secara berlebihan, kerana agama Islam juga melarang kita dari melakukan pembaziran.

Ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala berkuasa menurunkan hujan dan berkuasa pula untuk melenyapkannya. Bayangkanlah jika Allah Subhanahu Wata'ala melenyapkan nikmat yang telah dianugerahkan kepada kita, maka apakah yang akan terjadi kepada kita semua? Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun ayat 18 yang tafsirnya :

*"Dan kami menurunkan air hujan dari langit dengan kadar yang tertentu serta kami menempatkannya (tersimpan) di bumi, dan sesungguhnya kami tentu berkuasa melenyapkannya."*

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan nikmat kurnia-Nya ke atas kita dan negara kita dengan rezeki yang luas lagi diberkati secara berpanjangan. Amin ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Mulk ayat 30 yang tafsirnya :

*"Katakanlah : terangkanlah kepada Ku jika sumber air kamu menjadi kering meresap ke dalam bumi maka siapakah pula selain Allah yang dapat mendatangkan kepada kamu air yang sentiasa mengalir?"*

***INGATLAH bahawa Allah Subhanahu Wata'ala berkuasa menurunkan hujan dan berkuasa pula untuk melenyapkannya. Bayangkanlah jika Allah Subhanahu Wata'ala melenyapkan nikmat yang telah dianugerahkan kepada kita, maka apakah yang akan terjadi kepada kita semua? Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mu'minun ayat 18 yang tafsirnya : "Dan kami menurunkan air hujan dari langit dengan kadar yang tertentu serta kami menempatkannya (tersimpan) di bumi, dan sesungguhnya kami tentu berkuasa melenyapkannya."***

## وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري سبتو 26 مرچ 2016 برساماءن دڠن 17 جمادي الاخير 1437 هيڠڬ كهاري جمعة 1 اڤريل 2016 برساماءن 23 جمادي الاخير 1437 اداله سفرت دباوه اين:

| مسيحي | هاري | هجريه | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| مرچ | | جمادي الاخير | | | | | | | | |
| 26 | سبتو | 17 | 4 . 55 | 5 . 05 | 6 . 22 | 6 . 44 | 12 . 27 | 3 . 31 | 6 . 30 | 7 . 39 |
| 27 | احد | 18 | 4 . 54 | 5 . 04 | 6 . 21 | 6 . 44 | 12 . 27 | 3 . 30 | 6 . 30 | 7 . 39 |
| 28 | اثنين | 19 | 4 . 54 | 5 . 04 | 6 . 21 | 6 . 43 | 12 . 26 | 3 . 29 | 6 . 30 | 7 . 39 |
| 29 | ثلاث | 20 | 4 . 53 | 5 . 03 | 6 . 21 | 6 . 43 | 12 . 26 | 3 . 28 | 6 . 30 | 7 . 39 |
| 30 | رابو | 21 | 4 . 53 | 5 . 03 | 6 . 20 | 6 . 42 | 12 . 26 | 3 . 27 | 6 . 29 | 7 . 39 |
| 31 | خميس | 22 | 4 . 52 | 5 . 02 | 6 . 20 | 6 . 42 | 12 . 26 | 3 . 26 | 6 . 29 | 7 . 38 |
| اڤريل 1 | جمعة | 23 | 4 . 52 | 5 . 02 | 6 . 19 | 6 . 41 | 12 . 25 | 3 . 25 | 6 . 29 | 7 . 38 |

وقت٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيݢ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري

# Lebih 200 pelajar sekolah rendah sertai Kem Sukan



PARA pelajar sekolah-sekolah rendah dan swasta dari Daerah Tutong dan Daerah Belait yang menyertai Kem Sukan ketika bergambar ramai.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**TUTONG**, Rabu, 23 Mac. - Seramai 291 pelajar sekolah-sekolah rendah dan swasta dari Daerah Tutong dan Daerah Belait menyertai Kem Sukan selama tiga hari bermula 21 Mac yang lalu semasa cuti penggal pertama persekolahan.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Kem Sukan berkenaan berlangsung di Kompleks Sukan Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar.

Kem Sukan yang dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong dihasrat melatih para peserta mempelajari kemahiran-kemahiran baharu dalam bidang sukan daripada jurulatih-jurulatih berpengalaman semasa berlangsungnya Kem Sukan di daerah ini.

Antara aktiviti sukan yang ditawarkan pada kem tersebut ialah badminton, renang, olahraga dan bola jaring.

Di sepanjang Kem Sukan diadakan, para peserta berpeluang merasai pengalaman bersukan di bawah latihan jurulatih-jurulatih berpengalaman di samping dapat membina dan mengembangkan minat mereka untuk menyertai sukan yang diminati.

Selain itu, para peserta Kem Sukan juga berpeluang untuk membina sifat percaya diri, ketahanan mental dan mengembangkan kecerdasan.

Kem yang dianjurkan buat julung kalinya itu antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada beberapa jenis sukan kepada kanak-kanak pada usia awal dan mencari kanak-kanak yang berpotensi dan seterusnya akan dapat dilatih secara berterusan.

Melalui penyertaan kem seumpama ini juga diharapkan agar para peserta Kem Sukan dapat mempelajari kepentingan nilai-nilai kejujuran (*honesty*), kerja berpasukan (*teamwork*), permainan bersih (*fair play*) menghormati pendapat orang lain dan menghormati undang-undang permainan.

Pada masa yang sama, ia juga merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan perkembangan sukan dalam kalangan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah.

# Pelajari kemahiran baharu dalam bidang sukan

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**





**TUTONG**, Isnin, 21 Mac. - Para pelajar yang kini dalam penggal pertama cuti persekolahan kanak-kanak berpeluang mempelajari kemahiran-kemahiran baharu dalam bidang sukan daripada jurulatih-jurulatih berpengalaman semasa berlangsungnya Kem Sukan di daerah ini.

Kem menawarkan beberapa aktiviti sukan iaitu badminton, renang, olahraga dan bola jaring, bermula hari ini hingga 23 Mac nanti di Kompleks Sukan Daerah Tutong dan Dewan Serbaguna Serambangun Daerah Tutong.

Seramai 225 pelajar sekolah-sekolah rendah dan swasta dari Daerah Tutong dan Daerah Belait menyertai kem sukan berkenaan dengan bimbingan seramai tujuh jurulatih sukan.

Di sepanjang Kem Sukan diadakan, para peserta berpeluang merasai pengalaman bersukan di bawah latihan jurulatih-jurulatih berpengalaman, di samping dapat membina dan mengembangkan minat mereka untuk menyertai sukan yang diminati.

Selain itu, para peserta Kem Sukan juga berpeluang untuk membina sifat percaya diri, ketahanan mental dan mengembangkan kecerdasan.

Buat julung-julung kalinya diadakan, kem antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada beberapa jenis sukan kepada kanak-kanak pada usia awal dan mencari kanak-kanak yang berpotensi dan seterusnya akan dapat dilatih secara berterusan.

Melalui penyertaan kem seumpama ini juga diharapkan agar para peserta Kem Sukan dapat mempelajari kepentingan nilai-nilai kejujuran (*honesty*), kerja berpasukan (*teamwork*), permainan bersih (*fair play*) menghormati pendapat orang lain dan menghormati undang-undang permainan.

Kem Sukan ini merupakan salah satu usaha ke arah meningkatkan perkembangan sukan dalam kalangan murid-murid yang diselenggarakan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum Cawangan Daerah Tutong bagi kanak-kanak di bawah usia 12 tahun.

**SUKAN renang mendapat sambutan yang amat menggalakkan di antara sukan-sukan yang ditawarkan semasa Kem Sukan (atas kiri). Sementara gambar kiri, latihan asas sukan badminton dilakukan dengan melontar bulu tangkis menggunakan tangan.**

PELITA BRUNEI BOLEH DIBACA SETIAP HARI
MELALUI LAMAN SESAWANG :

**www.pelitabrunei.gov.bn**

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA TERKINI.

**SYUKURI NIKMAT ALLAH, ELAKKAN PEMBAZIRAN**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.